

Jilid III
Bil. 16



Hari Selasa
7hb April, 1981

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1937]

USUL-USUL:

AKTA ACARA KEWANGAN 1957:

Kumpulanwang Amanah Kerajaan [Ruangan 1974]

**Akaun Kumpulanwang Amanah untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan
Sains Negara [Ruangan 2012]**

AKTA KASTAM 1967:

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1980
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1980

KANDUNGANNYA—(samb.)

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1980

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1980

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1981

**Anggaran Kumpulanwang Pembangunan 1966-Yayasan Pelaburan Bumiputra
[Ruangan 2004]**

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1980 [Ruangan 2020]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1981 [Ruangan 2020]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2019]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2022]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) [Ruangan 2020]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Ucapan-ucapan Perbahasan yang dipadamkan (expunged) [Ruangan 2021]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.T.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.
(KOTA BHARU).

„ MENTERI PELAJARAN, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.
(Labis).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J., (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDUN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).

- Yang Berhormat DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

- Yang Berhormat TUN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUN LEE KAW (Kluang).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUN P. PATTO (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).

- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I.
(Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANSEKOLAH RENDAH LUAR
BANDAR SARAWAK—
KEMUDAHAN

1. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya akan berusaha untuk menambahkan dan mendirikan rumah-rumah kediaman guru-guru, School Mother dan Asrama dan Tempat Makanan di Sekolah Rendah di luar bandar Sarawak, kerana hingga hari ini keperluan tersebut masih kekurangan tidak seperti yang terdapat di Sekolah Rendah di Bandar-bandar besar Sarawak. Adakah Kementerian beliau akan memberi arahan kepada peringkat Negeri untuk menyiasat di atas perkara-perkara kemunduran dan jauh ketinggalan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pelajaran adalah lebih menitikberatkan kepada menyedia dan menambahkan kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah rendah di kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pelajaran telah merancang untuk membina 487 buah rumah guru, 144 buah asrama serta kemudahan-kemudahan kantin bagi sekolah-sekolah rendah luar bandar di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan projek-projek Rancangan

Malaysia Keempat ini telahpun mengambil kira faktor-faktor kemunduran bagi kawasan-kawasan yang jauh ketinggalan di segi pembangunan.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada banyak sekolah-sekolah rendah aliran Cina rumah-rumah sekolahnya telah lama dan buruk di negeri Sarawak, walaupun mereka telah meminta bantuan daripada Kerajaan tetapi kerap kali gagal. Kalau beliau sedar, apakah tindakan akan diambil; kalau tidak, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyiasat hal ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini bertanya soalan tambahankah atau soalan lain?

Tuan Chieng Tiong Kai: Soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan, baiklah!

Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, masalah sekolah-sekolah buruk ini meliputi Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Tamil dan Sekolah-sekolah Cina.

BURUH/PEKERJA—PENYELESAIAN
KES KEMALANGAN

2. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan adakah Kementeriannya bercadang untuk mengadakan penyelarasan dengan beberapa pihak lain yang berkenaan bagi mempercepatkan proses penyelesaian kes-kes kemalangan yang menimpa kaum buruh/pekerja.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Willian Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tuntutan faedah bencana pekerjaan adalah dibuat melalui dua Undang-undang iaitu melalui Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial 1969 atau melalui Ordinan Pampasan Pekerja, 1952.

Penyelarasan di antara Kementerian saya dengan Jabatan-jabatan atau lain-lain pihak yang berkenaan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu sememang sudah lama terjalin. Ini dapat dibukti dari angka-angka kemalangan yang telah dilaporkan di bawah kedua-dua Undang-undang ini dan jumlah kes-kes yang telah diselesaikan. Bagi kemalangan yang dikendalikan oleh Skim Keselamatan Sosial (SOCSO) pada tahun 1979 sebanyak 49,229 kemalangan telah dilaporkan sementara kes-kes yang telah diselesaikan ialah 50,130 iaitu termasuk sebilangan kecil kes-kes di akhir tahun 1978 yang diselesaikan pada tahun tersebut. Bagi tahun 1980 jumlah kemalangan yang dilaporkan ialah 51,340 dan bilangan yang diselesaikan ialah 49,036.

Sementara di bawah Ordinan Pampasan Pekerja pula bilangan kes-kes kemalangan yang dilaporkan pada tahun 1979 ialah 14,985 dan dari angka sebanyak 11,496 telah diselesaikan. Sementara dalam tahun 1980 pula sebanyak 13,927 kemalangan telah dilaporkan dan dari bilangan ini sebanyak 10,599 kes telah diselesaikan.

Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes yang tertentu terutama sekali di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, penyiasatan penuh perlu dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan sama ada majikan-majikan yang berkenaan adalah dikehendaki membayar pampasan pekerja.

Di antara perkara-perkara yang menyebabkan kelewatan ini ialah seperti berikut:

- (i) kesulitan untuk menghubungi pekerja yang berkenaan atau tanggungannya atau majikan, (di dalam kes-kes yang tertentu) kerana tidak ada alamat yang lengkap diberi;
- (ii) permohonan untuk menangguhkan percubaan (di dalam Kes Ordinan

Pampasan Pekerja) oleh pihak peguam pekerja atau majikan;

- (iii) kelewatan untuk mendapatkan Sijil Perubatan dari hospital-hospital;
- (iv) kelewatan untuk mendapatkan laporan dari pegawai Kebajikan Masyarakat (di dalam kes kemalangan maut) bagi tujuan untuk membahagi-bahagikan pampasan tersebut di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952;
- (v) kelewatan untuk mendapatkan sijil tanggungan (certificate of dependency) dari negara-negara asing.

Sebagaimana yang dinyatakan di awal tadi, Kementerian saya sentiasa berhubung rapat dengan jabatan dan agensi yang berkenaan termasuk Pejabat perwakilan-perwakilan kita di seberang laut dengan tujuan untuk menyelesaikan kes-kes kemalangan ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan berusaha sebanyak yang boleh untuk menyelesaikan kes-kes ini dengan seberapa segera.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, walaupun proses penyelesaian telah dibuat dan selesai tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa skim SOCSO ini memberi pampasan kemalangan kepada buruh-buruh terlalu kecil wang yang diperolehi oleh mereka, kadangkadang terdapat satu-satu kematian kepada buruh-buruh itu sehingga keluarganya mendapat antara \$1,000 ke \$2,000 sahaja.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar tetapi pembayaran di bawah SOCSO ini adalah diambil kira dari yuran yang dibayar dari tiap-tiap bulan sebab yuran yang dibayar itu adalah terlampau rendah, itulah sebabnya pampasan rendah juga. Bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini. Saya harap boleh diubahsuakan di masa hadapan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri menyatakan bahawa sebab-sebab kelewatan yang berlaku ataupun kes-kes yang tidak dapat diselesaikan oleh kerana kelewatan-kelewatan menerima perakuan-perakuan, misalnya daripada hospital dan daripada pihak-pihak yang lain.

Masalah yang ditimbulkan dalam soalan asal ini ialah mengenai masalah kerjasama dan bukannya dengan keadaan demikian menampakkan bahawa kurangnya kerjasama dan juga penyelarasan di antara pihak-pihak yang berkenaan sehingga kes-kes itu tidak dapat diselesaikan ataupun lewat untuk diselesaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi soalnya apa Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Itulah soalnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terlampau panjang tadi. Apa soalnya yang sebenar? Itu ucapan. Apa soalnya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tadi saya telah tanyakan daripada awalnya apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi ialah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu kita tahulah tetapi apa soalnya?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalnya kelewatan-kelewatan yang berlaku itu disebabkan oleh kerana lewat menerima perakuan-perakuan daripada hospital misalnya dan bukannya ini menunjukkan bahawa kurangnya penyelarasan di antara Jabatan-jabatan itu yang menyebabkan kes-kes itu lewat diselesaikan ataupun tidak diselesaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, sila Yang Berhormat.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bersetuju dengan tuduhan Yang Berhormat itu. Jikalau Yang Berhormat itu dengar tadi apa yang saya katakan di sini, di dalam kes-kes itu lebih 10,000 dan cuma apa yang ditinggalkan itu purata lebih kurang satu bulan laporan sahaja.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak Kementerian mungkin bersetuju bahawa di sana sini ada kemungkinan Biro Bantuan Guaman mungkin dapat memainkan peranan untuk menolong dalam penyelesaian kes-kes yang kita bincangkan ini. Jadi adakah pihak Kementerian bercadang supaya memperbaiki

lagi penyelarasan ataupun menggunakan dengan lebih lagi perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan ambil perhatian dalam hal ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 3.

MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS

3. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran memberi sebab-sebab taraf Bahasa Inggeris merosot dengan begitu teruk sepertimana terbukti oleh prestasi pelajar-pelajar dalam peperiksaan SPM yang terakhir apabila calon-calon terpaksa menggunakan bahasa 'caveman's language' dengan melukis gambar-gambar dalam kertas jawapan apabila mereka mendapati kesukaran untuk mendapati perkataan-perkataan untuk melahirkan apa yang mereka maksud.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dari segi peperiksaan adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa prestasi pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang terakhir telah merosot tarafnya dengan teruk seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat kerana sebetulnya taraf pencapaian telah meningkat tahun demi tahun sepertimana terbukti pada peratus lulus dalam tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979.

Seperkara lagi harus diingatkan ialah bahawa matapelajaran Bahasa Inggeris ialah satu matapelajaran yang wajib diambil oleh setiap orang calon dan mengikut rekod, adalah menjadi satu kebiasaan bagi semua matapelajaran yang wajib termasuk Bahasa Inggeris bahawa kebolehan calon-calon adalah luas jurangnya daripada yang terbaik kepada yang terburuk.

Saya juga suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelajaran telah dan sedang mengambil

beberapa langkah tertentu untuk memperbaiki lagi taraf pencapaian pelajar-pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI TAIIF

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil Sidang Kemuncak Negara-negara Islam di Taif tahun lalu dan adakah benar Sidang Kemuncak itu telah memutuskan bahawa negara Islam tidak seharusnya bekerjasama antara satu sama lain di negara dalam bidang politik, sosial, kebudayaan dan teknik dan tabung pembangunan berjumlah US\$3 billion tidak akan diberi kepada negara-negara Islam yang menghadiri sidang tersebut, jika ia, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang mempunyai maksud yang sama dengan soalan ini, telahpun dijawab pada 3hb April, 1981, semasa menjawab soalan Yang Berhormat sendiri. Dengan jawapan itu, kita berharap akan dapat kerjasama di antara negara-negara Islam di bidang politik, sosial, kebudayaan dan teknik.

PEGAWAI KERAJAAN AMBIL BAHAGIAN POLITIK

5. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan kategori pegawai-pegawai Kerajaan yang dibenarkan mengambil bahagian dalam politik, adakah Kerajaan sedar terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang meskipun tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik menurut undang-undang malah sedang mengambil bahagian yang cergas dalam parti-parti komponen Barisan Nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Perintah Am Bab 'D' 1980 yang berkuatkuasa mulai 17hb Julai, 1980 ada menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A yang terdiri daripada mereka yang memegang jawatan yang berkehendakkan Ijazah Universiti atau kelayakan ikhtisas sebagai kelayakan masuk kerja adalah dilarang

daripada mengambil bahagian yang cergas dalam parti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Mereka hendaklah mengecualikan dirinya dalam hal-hal politik dan khususnya mereka tidak boleh:

- (a) membuat pernyataan kepada orang ramai sama ada secara lisan atau secara bertulis yang menyebelahi parti politik mengenai sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti-parti politik;
- (b) menerbit atau mengedarkan buku, artikel atau risalah yang mengandungi pandangannya jika pandangan itu menyebelahi mana-mana parti politik;
- (c) mengambil bahagian dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon bagi sesuatu pilihan bagi apa-apa jawatan dalam politik; atau
- (d) bertindak sebagai seorang ejen pilihanraya atau ejen tempat mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau bagi Dewan Negeri.

Namun begitu, pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, iaitu pegawai-pegawai yang bukan dalam Kumpulan A boleh bergiat cergas di dalam politik setelah terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dari Kerajaan. Di samping itu seseorang pegawai yang sedang dalam cuti sebelum bersara, baik dalam Kumpulan A atau Kumpulan B boleh mengambil bahagian yang aktif dalam politik dengan syarat:

- (a) ia telah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kerajaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut; dan
- (b) dengan mengambil bahagian sedemikian ia tidak melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Kerajaan sedar bahawa terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang mengambil bahagian yang cergas di dalam politik tetapi mereka itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dalam Kumpulan B yang telah mendapat kebenaran Kerajaan selaras dengan peraturan-peraturan yang ada seperti di atas. Mana-mana pegawai yang didapati melanggar

peraturan-peraturan dalam Perintah Am Bab D tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib tidak mengira mana parti politik yang mereka sertai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pegawai Kerajaan mengambil bahagian di dalam politik ini bukan sahaja daripada komponen Barisan Nasional tetapi terdapat juga daripada parti Pembangkang terutamanya daripada parti DAP. Jadi soalan saya, apakah pihak Kementerian bercadang untuk membenarkan semua pegawai Kerajaan mengambil bahagian, bukan mengambil cergas di dalam politik dan dari situ dapatlah pihak Kerajaan mengenal yang mana pegawai Kerajaan yang menyokong parti Kerajaan dan pegawai Kerajaan yang menyokong parti DAP.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak membenarkan semua pegawai-pegawai mengambil bahagian di dalam politik kecuali seperti yang saya sebutkan tadi selain daripada kategori A.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan. Saya hendak tanya Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil sekiranya didapati pegawai-pegawai Kerajaan mengkritik dasar Kerajaan.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, selagi seseorang itu menjadi pegawai Kerajaan adalah tidak seharusnya dan tidak wajar baginya mengkritik dasar-dasar Kerajaan. Pegawai-pegawai adalah perlaksana dasar-dasar Kerajaan dan sekiranya ada mereka yang berbuat demikian maka tindakan disiplin boleh diambil.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut satu peraturan telah mulai dilaksanakan pada bulan Julai 1980 mengenai kegiatan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam politik. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak itu sehingga sekarang ini, adakah tidak pegawai-pegawai Kerajaan baik Kategori A atau B yang telah mengambil bahagian cergas

di dalam politik tanpa mendapat kebenaran daripada Kerajaan, jika ada, apakah tindakan tatatertib yang telah dibuat kepada mereka.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, yang tidak ada keizinan, tidak ada pegawai-pegawai Kerajaan yang mengambil bahagian cergas di dalam politik.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita adalah Kerajaan politik dan kalau sekiranya ada pihak yang menyokong rancangan Kerajaan politik, apakah pula tindakan Kerajaan ataupun apakah sikap Kerajaan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang menentang orang-orang yang menentang Kerajaan politik kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara Kumpulan A itu berapa ramai pegawai yang telah diberi kebenaran supaya mengambil bahagian di dalam politik.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan itu tidak berapa terang. Tolong kuat sedikit.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya pegawai-pegawai dalam Kumpulan A itu, berapa ramai di antara mereka dapat kebenaran supaya mengambil bahagian di dalam politik.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang ada di dalam Kumpulan A tidak diberi kebenaran untuk aktif di dalam politik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya DAP ini selalu membuat bandingan dari segi politik dan dasar dengan Kerajaan Singapura. Jadi di Singapura kalau pegawai Kerajaan tidak menyokong dasar dan parti Kerajaan diminta mengundurkan diri dari perkhidmatan Kerajaan. Jadi apakah Kementerian bercadang untuk meminta supaya pegawai Kerajaan yang tidak menyokong parti Kerajaan ini dan juga yang menentang dasar Kerajaan ini mengundurkan diri sebagaimana Kerajaan Singapura lakukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

PENYALAHGUNAAN WANG AWAM

6. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kadar bayaran yang bertambah yang tidak disahkan dalam perbelanjaan Kerajaan dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan amalan seperti ini. Mengapa undang-undang berkaitan dengan bayaran yang tidak disahkan ini tidak dilaksanakan dan sejauh yang diketahui Parlimen tidak pernah mengesahkan bayaran seumpama itu, tetapi bayaran seperti ini dibuat setiap tahun dan dari tahun 1970 sehingga tahun 1973 angka terakhirnya berjumlah \$50.28 juta. Sama ada dengan tidak mengambil sebarang tindakan ke atas bayaran yang tidak disahkan ini, penyelewengan dan penyalahgunaan wang awam telah berlaku.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar adanya bayaran yang tidak disahkan di dalam perbelanjaan Kerajaan. Semua perbelanjaan Kerajaan dibuat setelah disahkan dan disemak segala undang-undang dan atur-atur cara kewangan yang sedia ada. Tiap-tiap pembayaran hanya dibuat bagi baucar-baucar yang disokong sepenuhnya dengan dokumen-dokumen tertentu yang sempurna iaitu mengikut kehendak undang-undang. Walau bagaimanapun pada waktu pengoditan yang selalunya dijalankan beberapa tahun kemudian ada pernah terjadi dokumen-dokumen penyokong tidak mudah dikesan tetapi ini bukanlah bererti penyelewengan. Lazimnya Jabatan-jabatan yang berkenaan akan berjaya mengesan dokumen-dokumen pembayaran tersebut untuk penyemakan odit. Jika berlaku perbelanjaan yang berlebihan di dalam sesuatu vote atau dari peruntukan tahunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan, Jabatan-jabatan berkenaan akan bertindak mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Perbendaharaan, sama ada dengan cara pindah peruntukan (virement) ataupun pendahuluan dari Kumpulanwang Simpanan Luar Jangka yang kemudiannya akan dikemukakan bagi kelulusan Parlimen secara Anggaran Tambahan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Bagaimanakah Menteri Kewangan dapat menyakinkan Dewan ini bahawa sampai sekarang ada juga baucar-baucar yang tidak dapat ditemui dan dalam keadaan dan waktu yang sama peningkatan kes-kes yang seperti ini melibatkan bertambahnya kewangan yang tidak disahkan iaitu yang tidak disokong oleh baucar walaupun berdasarkan kepada waktu oditan dibuat.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Memang ada berlaku bahawa baucar-baucar yang dikemuka untuk mendapat bayaran itu tidak disokong sepenuhnya oleh dokumen-dokumen. Ini memang berlaku di mana-mana tempat sekalipun. Tetapi walau bagaimanapun sebagaimana telah saya nyatakan tadi kita dapat mengesan pada akhirnya sama ada dalam masa setahun, dua tahun atau tiga tahun dan pihak Odit biasanya menekankan supaya dokumen-dokumen sokongan itu akan dikemukakan untuk pemeriksaan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri dapat menyakinkan Dewan ini juga bahawa sehingga sekarang ini boleh dikatakan bahawa setiap baucar yang hilang itu dapat diketemui kembali dan tidak ada baucar-baucar yang tidak dapat ditemui dan pihak Odit misalnya sudah putus asa untuk mendapatkan baucar-baucar itu dan setelah berlaku keputusan maka tidak pula dibentangkan di dalam Parlimen untuk mengesahkan bayaran-bayaran yang seperti itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tadi sudahpun dijawab oleh Yang Berhormat Mulia Menteri. Tetapi jikalau ada lagi hendak tambah.....

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi memang ada berlaku yang dokumen-dokumen itu tidak dapat ditemui untuk menyokong baucar-baucar untuk mendapat pembayaran dan ada barangkali dokumen-dokumen itu memang tidak ada langsung sehingga ke hari ini. Tetapi ini tidak bererti kita berputus asa dan tidak akan terus

menerus untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong pembayaran yang telah dibuat. Jadi ini adalah kerja manusia, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ada berlaku kesilapan dengan perbelanjaan yang begitu besar dan banyak, tetapi banyak jumlahnya tidaklah begitu besar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adakah pihak Perbendaharaan ini mengesahkan baucar-baucar yang tidak dapat dikesan oleh pihak negeri-negeri. Misalnya, dalam tahun 1970 hingga 1973 ini adakah baucar-baucar tidak dapat dikesan bagi negeri Kelantan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tidak ada.

BEKALAN LETRIK DI MUKIM SUNGAI MANIK/LABU KUBONG

7. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah bekalan elektrik akan mula dilaksanakan ke seluruh kawasan Mukim Sungai Manik dan Labu Kubong dalam Daerah Hilir Perak, Perak amnya dan ke kawasan Sungai Lampam dan sekitarnya khasnya dan jika sekiranya bekalan ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun 1981, apakah sebab-sebabnya bekalan elektrik ke kawasan ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan kawasan ini mempunyai kemudahan asas yang cukup bagi bekalan elektrik ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya memberitahu bahawa sehingga akhir tahun 1980 seramai 30% daripada penduduk luar bandar di Mukim Sungai Manik telah diberi bekalan elektrik. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME) pula peruntukan sebanyak \$1,448,501 telah dicadangkan untuk membekalkan 7 buah kampung dengan elektrik bagi memberi manfaat kepada seramai 1,024 keluarga. Dengan demikian adalah dijangka bahawa 75% daripada penduduk luar bandar di Mukim ini akan dapat menikmati kemudahan asas ini nanti.

Mengenai Mukim Labu Kubong pula, hampir 50% daripada penduduk luar bandar telah menikmati kemudahan asas ini. Di bawah RME mukim ini, dijangka akan dapat peruntukan sebanyak \$276,160 untuk melaksanakan rancangan-rancangan membekalkan elektrik ke 4 buah kampung bagi memberi manfaat kepada 240 keluarga, dan dengan siapnya projek-projek RME ini adalah dijangka bahawa 80% daripada penduduk luar bandar di mukim ini akan menikmati bekalan elektrik.

Berkenaan dengan kawasan Sungai Lampam pula suka saya memberitahu bahawa peruntukan sebanyak \$571,400 telah dicadangkan untuk membiayai sebuah projek bekalan elektrik meliputi 432 keluarga di bawah RME. Dengan siapnya projek ini peratus penduduk kawasan ini yang akan menikmati bekalan elektrik akan meningkat dari 5% sekarang ke 90% pada tahun 1985.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pembekalan elektrik luar bandar ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu sedar tentang adanya di kawasan-kawasan sudahpun diberi bekalan elektrik ini terdapat kampung-kampung yang mana telah tertinggal mungkin oleh sebab kekurangan peruntukan ataupun sebagainya dan ini telahpun menimbulkan persoalan-persoalan sosial yang rumit. Jadi, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mendapat jasa baik Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya pada tahun ini kawasan-kawasan ini dapat diberi keutamaan untuk menyudahkan pembekalan elektrik ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan No. 7 tadi khusus kepada kawasan Sungai Manik, Labu Kubong dan Sungai Lampam. Tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab soalan umum itu, boleh juga.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan Jabatan L.L.N. telah membuat kajian untuk menentukan berapakah kawasan-kawasan

seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan satu permohonan akan dibuat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat satu peruntukan khas bagi membetulkan keadaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, No. 8.

TIKET LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT

8. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) Minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berapa banyakkah tiket loteri kebajikan masyarakat yang dicetak bagi setiap cabutan untuk dijual dan apakah semua tiket tersebut terjual? Apakah yang dilakukan terhadap tiket-tiket yang tidak terjual tersebut?

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa bagi setiap cabutan loteri, sebanyak 3.6 juta tiket dicetak untuk dijual. Tidak ada tiket dipulangkan balik kerana tiap-tiap ejen adalah dikehendaki membayar semua tiket yang diambilnya daripada Lembaga Loteri.

	<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran beras (tan metrik)</i>	<i>Keperluan beras (tan metrik)</i>	<i>% Kekurangan beras yang perlu diimport</i>
	1977	101,687	152,487	49.9%
	1978	108,724	156,403	44.9%
	1979	111,985	160,832	43.0%
	1980	114,912	165,174	43.7%

(b) Jawapan kepada soalan (b) telah saya berikan semasa menjawab soalan Yang Berhormat daripada Padawan dan Yang Berhormat daripada Sarikei pada 23hb Mac, 1981.

(c) Mengikut maklumat daripada Kementerian Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak telah menjalankan kajian dan penyelidikan ke atas padi dan maklumat-maklumat mengenai penghasilan padi serta keperluan dan cara pengurusan

BERAS DIGUNAKAN DI SARAWAK

9. Tuan Sibat Miut anak Tagong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- berapa peratuskah daripada jumlah beras yang digunakan dalam Negeri Sarawak diimport;
- adakah beliau sedar kadangkala beras yang dibahagikan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ke Sarawak adalah jenis yang rendah mutunya; dan
- sama ada percubaan telah dibuat supaya pengeluaran beras dalam negeri Sarawak cukup untuk keperluan negeri itu dan jika ia, bagaimanakah kejayaan percubaan itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- Daripada perangkaan jumlah pengeluaran padi di Sarawak dari tahun 1977 hingga 1980, didapati jumlah pengeluaran adalah dianggarkan berkurangan sebanyak 45% (purata) daripada anggaran jumlah keperluan beras Negeri Sarawak. Kekurangan sebanyak 45% ini perlu diimport. Anggaran pengeluaran dan keperluan beras bagi tiap-tiap tahun adalah seperti berikut:

pertanian padi telah diperolehi bagi meninggikan lagi hasil pengeluarannya. Di antara kajian-kajian ini ialah:

Kajian ke atas tanaman padi jangka pendek yang mengambil masa lebih kurang 120 hari bagi padi jenis Seri Sarawak, Mahsuri line 17, dan Bahagia boleh menghasilkan sehingga 5,300 kg/Hect, atau 2 tan seekar. Kajian ke atas tanaman padi jangka panjang bagi padi jenis Serendah Kuning Lasak, Aceh 62,

Bacu 3 dan Karal boleh menghasilkan sehingga 4,200 kg/Hect atau lebih kurang 1.8 tan seekar. Hasil pengeluaran padi sekarang di Sarawak secara hitung panjang ialah 1,955 kg/Hect atau 0.7 tan seekar.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat 'Projek Demonstrasi Padi' telah dijalankan di Daerah Lundu yang bertujuan untuk memberi galakan kepada penanaman padi dan melatih petani-petani untuk memperbaiki kaedah-kaedah pertanian supaya memperoleh hasil yang lebih lumayan. Projek Demonstrasi Padi ini juga akan digunakan sebagai Pusat Latihan Pertanian oleh Jabatan Pertanian Sarawak dan projek ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan padi yang lain bagi masa hadapan. Kerajaan berharap dengan adanya aktiviti-aktiviti dan program seperti di atas tanaman padi di Sarawak akan dapat diperbaiki dan dipermodenkan supaya dapat menghasilkan padi yang lebih baik dan dapat memenuhi keperluan negeri itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam telah menyatakan kekurangan 40% beras yang terpaksa diimport dari luar negeri ke Sarawak, adakah benar bahawa akibat kekurangan beras yang terpaksa diimport itu Lembaga Padi dan Beras Negara terpaksa membahagi-bahagikan beras yang rendah mutunya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

HUTANG NEGARA

10. Datuk Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah nasional yang dihutang oleh Malaysia dalam tiga tahun yang lalu dan nilainya hutang-hutang ini.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai ini di persidangan 11hb November, 1980 dan juga pada 25hb Mac, 1981 baru-baru ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat sekali lagi ingin saya nyatakan bahawa jumlah baki Hutang Negara untuk tahun 1978 ialah \$17,554 juta, 1979, \$20,719 juta dan 1980 \$23,361 juta. Bayaran faedahnya pula untuk tahun 1978 ialah \$1,039.7 juta, 1979 \$1,186 juta dan 1980 \$1,445.5 juta.

ORANG TAHANAN—SIASATAN

11. Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan telah dibuat ke atas sebab terlepasnya beberapa orang tahanan di Kuala Trengganu di pertengahan bulan Disember, 1980. Jika siasatan telah dibuat, nyatakan apakah hasil siasatan itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, pada 15hb Disember, 1980 empat orang telah berjaya melarikan diri dari lokap polis di Kuala Trengganu dan pihak polis masih lagi menyiasat berhubung dengan kejadian tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua daripada empat orang yang melarikan diri itu telahpun ditangkap semula pada hari yang sama manakala seorang lagi telah menyerah diri kepada pihak polis dua hari kemudian. Ketiga-tiga orang tersebut telahpun dibicarakan dan dijatuhkan hukuman penjara di antara 6 bulan sehingga ke 2 tahun. Pihak polis juga masih lagi giat mengesan untuk menangkap seorang lagi yang masih bebas.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana pelepasan orang tahanan daripada penjara ini kerap juga berlaku dan pernah berlaku sebelum bulan Disember, 1980 ini di tempat lain dan ini akan menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap disiplin polis. Apakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang

akan datang dan adakah perkara seperti ini berlaku kerana adanya sangkut-paut disiplin polis sendiri?

Tuan Sanusi bin Junid: Oleh kerana kejadian ini berlaku antara lain mungkin kerana kelalaian pihak Polis, maka ketiga-tiga anggota polis telah ditahan kerja mulai 15-12-80 dengan mendapat gaji 2/3. Siasatan masih lagi dilakukan dan kertas siasatan akan dikemukakan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya Trengganu untuk arahan selanjutnya. Langkah-langkah telah diambil untuk menyemak semula perintah-perintah tetap lokap dan juga memberi taklimat kepada semua anggota polis di atas keselamatan lokap. Pagar di tempat inipun sudah dipertingkatkan tetapi tidak ada jaminan perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar masih terdapat lagi lokap-lokap di Balai-balai Polis tidak dikaji pada masa membuatnya dahulu dan sangat mudah pesalah-pesalah ini keluar daripada lokap itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Bukanlah semua lokap dalam keadaan yang sama dengan keadaan di Trengganu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

BUKU-BUKU PERPUSTAKAAN

12. **Datuk Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar buku-buku perpustakaan sekolah kena dipesan melalui satu-satu kedai buku sahaja; jika ya, sebutkan nama kedai itu dan nama tuan punya kedai dan apakah asas atau lojik untuk memberi hak monopoli kepada kedai itu dan sama ada beliau bersetuju tanpa persaingan dari lain-lain kedai buku, sekolah-sekolah akan terpaksa membayar buku-buku perpustakaan dengan harga yang lebih mahal.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada mengikat kontrak bagi bekalan dua jenis buku-buku seperti berikut:

- (a) Buku-buku rujukan dan perpustakaan cetakan luar negeri; dan
- (b) buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perpustakaan sekolah-sekolah Kerajaan dikehendaki membeli buku-buku yang tergulung di bawah kontrak-kontrak tersebut di atas.

Bagi tempoh kontrak dari 15hb Ogos, 1979 hingga 14hb Ogos, 1981 nama Kontraktor untuk bekalan buku-buku rujukan dan perpustakaan cetakan luar negeri ialah Kedai Buku Koperatif, Universiti Malaya Bhd. Ini terlibat buku-buku yang dicatatkan di tujuh buah negara asing sahaja, iaitu United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, India, New Zealand, Singapura dan Indonesia. Kontrak bagi bekalan buku-buku rujukan dan perpustakaan cetakan luar negeri ini telah diuruskan melalui tender terbuka. Pemberian kontrak adalah berasaskan kepada harga tawaran dan keupayaan menjalankan kontrak untuk menjamin bekalan yang memuaskan.

Untuk bekalan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tiga syarikat telah berjaya mendapat kontrak bagi tempoh 15hb November, 1979 hingga 14hb November, 1981. Ketiga-tiga pembekal itu ialah:

- (a) Syarikat Kedai Buku H.S. Sahlan, 7, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. Kawasan bekalannya ialah Kawasan Tengah, iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor dan Perak.
- (b) Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya Bhd., Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur. Kawasan bekalannya ialah Kawasan Utara dan Pantai Timur, iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan, Trengganu dan Pahang.
- (c) Pustaka Hussein, 9, Jalan Sisi, Muar, Johor. Kawasan bekalannya ialah

Kawasan Selatan, iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Kontrak bagi bekalan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini telah diuruskan melalui tender terbuka. Pemberian kontrak-kontrak juga berasaskan kepada harga tawaran dan keupayaan menjalankan kontrak untuk menjamin bekalan yang memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga mengikut kontrak-kontrak di atas adalah murah jika dibandingkan dengan pembelian daripada punca-punca lain.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan ada tiga sahaja agen buku di kawasan Semenanjung bagi terbitan dalam negeri. Soalan saya, adakah Kementerian bercadang supaya membuka banyak lagi agen-agen buku ini untuk memudahkan sekolah-sekolah mendapat buku ini?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, keadaan bekalan buku-buku ke sekolah-sekolah kita adalah memuaskan pada masa ini. Jika kita menghadapi masalah bekalan yang tidak memuaskan maka syor Ahli Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana guru-guru besar ini selalu meminta wang daripada Wakil Rakyat untuk membeli buku-buku kutub khanah, jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian memperuntukkan sekolah-sekolah bagi membeli buku-buku perpustakaan dan kalau tidak ada apakah Kementerian bercadang untuk memberikan peruntukan khas bagi sekolah-sekolah ini membeli buku-buku perpustakaan?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pelajaran memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah untuk membeli buku-buku tetapi Kementerian Pelajaran sengaja tidak memberi peruntukan yang mencukupi kerana kalau kita memberi peruntukan yang

mencukupi, Wakil-wakil Rakyat tidak akan ada tempat di sekolah-sekolah (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan 13 ada sedikit pembedaan barisan tiga: sedangkan tanah hakmilik bukan bumiputra terelak daripada kebanyakan rancangan-terelak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terelak atau terletak jauh.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Terelak.

TANAH HAKMILIK BUMIPUTRA

13. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tanah hakmilik Bumiputra banyak sekali terlibat dengan rancangan-rancangan Kerajaan sedangkan tanah hakmilik bukan Bumiputra terelak daripada kebanyakan rancangan itu, jika benar apakah beliau bercadang hendak mengarah pihak berkenaan supaya seberapa yang boleh dielak daripada tanah hakmilik Bumiputra.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan mengambil balik tanah-tanah hakmilik bumiputra sahaja dan tanah-tanah hakmilik bukan bumiputra dielakkan apabila memajukan satu-satu projek Kerajaan. Bagi pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan, pihak atau Jabatan yang berkehendakkan tapak tanah itu tidaklah memilih sama ada tanah itu tanah milik bumiputra atau tanah milik bukan bumiputra. Biasanya tiap-tiap projek yang hendak dijalankan itu adalah mengikut kesesuaian tapak di mana tanah itu berada. Walaupun demikian, di mana yang boleh dan munasabah Kerajaan akan mengelakkan pengambilan balik tanah kepunyaan orang-orang miskin, lot-lot persendirian yang kecil termasuklah tanah-tanah hakmilik bumiputra.

RANG UNDANG-UNDANG YANG DIBENTANGKAN DI PARLIMEN

14. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri sama ada sebelum sesuatu rang undang-undang dibentangkan di dalam Parlimen Kerajaan-kerajaan Negeri diperunding dahulu terutama sekali apabila rang undang-undang tersebut menjejaskan kepentingan negeri-negeri tersebut; jika tidak, mengapa.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak perlu berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dahulu sebelum sesuatu rang undang-undang dibentangkan dalam Parlimen oleh Kerajaan Persekutuan melainkan jika rang undang-undang tersebut menyentuh kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri.

GERAI-GERAI PASAR DI KAWASAN CHOW KIT

15. **Dato Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau menyedari bahawa gerai-gerai pasar makan, pasar buah dan pasar awam Chow Kit telah menjejaskan keindahan serta kecantikan Bandaraya Kuala Lumpur, jika ya, apakah rancangan Kerajaan bagi menyesuaikan gerai-gerai pasar tersebut dengan trend Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kawasan Chow Kit/Jalan Raja Bot adalah satu-satu kawasan dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini yang sentiasa penuh sesak dengan penjaja-penjaja, pembeli-pembeli termasuk juga pengguna-pengguna bas. Dengan kesesakan seperti ini saya memang sedar bahawa kecantikan dan keindahan di kawasan tersebut adalah terjejas sedikit. Walau bagaimanapun pihak Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya telah dan akan mengambil tindakan bagi memperbaiki perkara ini. Langkah-langkah yang diambil ialah:

- (1) Dewan Bandaraya telahpun memperbaiki dan membangunkan semula satu kawasan penjaja pasar terbuka di kawasan Chow Kit iaitu di Jalan Haji Hussin bagi menampung 363 penjaja-penjaja. Dengan ini mutu kebersihan di

kawasan penjaja pasar harian terbuka ini akan dapat dikawal dengan lebih teratur.

- (2) Rancangan memperbaiki kawasan pasar Jalan Raja Bot juga sedang dijalankan bagi menaikkan taraf gerai-gerai dan kebersihan pasar untuk kebaikan 170 orang penjaja-penjaja.
- (3) Bagi Penjaja-penjaja yang menjual makanan bermasak, Dewan Bandaraya mempunyai rancangan memindahkan mereka ke dalam gerai-gerai makan yang tetap yang lebih teratur dan bersih, di mana kemudahan bekalan air, elektrik serta pengangkutan sampah akan disediakan.
- (4) Rancangan juga sedang dibuat bagi menempatkan semula penjaja-penjaja pasar malam di sekitar perhentian bas di Jalan Tuanku Abdul Rahman ke satu kawasan yang lebih sesuai di mana 450-500 penjaja akan terlibat.
- (5) Selain dari itu, Dewan Bandaraya juga menggalakkan penjaja-penjaja di kawasan tersebut bergotong-royong bagi menyedarkan mereka lebih berdisiplin menjaga kebersihan di sekitar tempat perniagaan mereka. Kakitangan Dewan Bandaraya juga memberi nasihat serta tunjukajar kepada penjaja-penjaja tersebut cara-cara yang lebih baik untuk membuang sampah sarap, bagi menjaga kebersihan kawasan itu.

Dato Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya pihak Bandaraya mengatur satu sistem yang baik pada jangka panjang tetapi bagi jangka pendek adakah pihak Kementerian telah mengarahkan Dewan Bandaraya supaya menangkap orang-orang atau penjaja yang menjual buah di kiri-kanan Jalan Chow Kit dan soalan saya lagi dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membenarkan, dan mengarahkan pihak Dewan Bandaraya supaya membuat jangka pendek dibenarkan mereka berjual seperti biasa kerana hari ini nampaknya susah sangat mereka hendak menjual, sebab diburu oleh enforcement pihak Bandaraya.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pegawai Enforcement Bandaraya di kawasan Chow Kit itu kadangkang melibatkan penangkapan penjaja-penjaja terutama mereka yang tidak berlesen dan kedua penjaja-penjaja yang menjaja di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan sehingga mengganggu lalulintas di situ. Barang diingatkan bahawasanya walaupun disedari di satu pihak bahawasanya penjaja-penjaja adalah terdiri dari manusia-manusia yang perlu untuk mencari nafkah hidup dengan cara menjaja tetapi juga orang awam yang lalulintas di situ yang memerlukan perkhidmatan yang lain juga ada membuat aduan yang mereka terganggu oleh sebab kesesakan di kawasan-kawasan itu daripada segi lalulintas dan dengan itu pihak Bandaraya juga terpaksa memberi perhatian kepada aduan orang ramai, jadi tindakan terpaksa diambil. Walau bagaimanapun dalam menjalankan tindakan itu pihak pegawai-pegawai Dewan Bandaraya sentiasa berhati-hati dan menyedari hakikat bahawasanya penjaja yang ada di situ adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar hendak mencari peluang untuk berniaga secara kecil-kecilan bagi menambah atau bagi mendapatkan sedikit pendapatan mereka, dan dalam hal ini maka pada masa-masa yang tertentu seperti masa keramaian maka lesen-lesen sementara diberikan kepada penjaja-penjaja dan jalan-jalan biasa ditutup khusus untuk membenarkan penjaja-penjaja itu menjalankan perniagaan mereka.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sebelum membuat soalan, keindahan dan kecantikan bandaraya ini satu perkara yang perlu tetapi memberi kepentingan bumiputra hendak berniaga hendaklah kita kebelakangan atas perkara ini. Saya ingin bertanya adakah Dewan Bandaraya bercadang hendak mengadakan lagi sekatan-sekatan kawasan Bandaraya itu untuk dijadikan sebagai pasar tambahan agar kaum bumiputra mendapat peluang berniaga.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Dewan Bandaraya sentiasa mencari kawasan-kawasan seperti jalanraya di mana dapat diberikan kebebasan kepada

penjaja-penjaja menjalankan perniagaan mereka tanpa gangguan lalulintas tetapi dalam hal ini Bandaraya mesti juga mempertimbangkan kepentingan orang ramai sama ada dengan menutup satu-satu jalan itu khusus untuk dibenarkan penjaja-penjaja menjalankan perniagaan mereka akan membawa gangguan yang tak sepatutnya. Jadi dalam hal hendak membanyakkan lagi peluang-peluang bumiputra berniaga, saya fikir bukanlah dengan hanya cara menutup jalan-jalan yang tertentu untuk diberi kebebasan mereka berniaga tetapi dengan cara mengadakan kompleks penjaja-penjaja sebagaimana yang diusahakan oleh Dewan Bandaraya pada masa sekarang.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menerangkan tentang usaha memajukan penjaja-penjaja di kawasan Wilayah. Saya ingin bertanya kepada beliau, apakah sudah dibuat satu penyiasatan terhadap tanah-tanah Kerajaan yang strategik yang selama ini telah digunakan untuk setinggan-setinggan berniaga untuk dibina semula menjadi tempat penjaja-penjaja yang berperaturan dengan adanya kemudahan-kemudahan api dan air.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tambah lagi.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Sedikit lagi tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan perkara ini, Dewan Bandaraya telah memilih 6 kawasan yang agak strategik di Bandaraya ini untuk dijadikan tapak bagi kompleks perniagaan untuk penjaja-penjaja dan 3 daripadanya adalah tempat yang dahulunya penuh-sesak oleh setinggan-setinggan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Di dalam kawasan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, 6 kawasan yang dikhaskan untuk tapak gerai dan sebagainya, adakah termasuk tanah-tanah umpamanya dalam Wilayah Persekutuan yang telah habis Lease 99 tahun dan adakah Kerajaan akan memberi balik kepada pemohon asal atau diberi peluang kepada orang lain untuk mendapatkan tempat bagi penjaja-penjaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu jauh sangat daripada soalan asal bahkan pula meninjau kepada rahsia perancangan, rasa saya tak patutlah dijawab di sini.

INSTITUSI KEWANGAN—MILIK BUMIPUTRA DAN ASING

16. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kewangan menyatakan hingga bulan Mac, 1981 ini, berapakah lesen telah dikeluarkan kepada institusi-institusi kewangan seperti bank dan syarikat kewangan, sila nyatakan bilangannya dan kapitalnya, berapakah daripadanya adalah dipegang oleh rakyat Malaysia dan orang asing, di antara bumiputra dan bukan bumiputra, dan nyatakan apakah kriteria/syarat-syarat diasaskan untuk meluluskan sesuatu permohonan tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mac 1981 terdapat 38 buah bank perdagangan yang menjalankan perniagaan di Malaysia di mana 21 buah bank adalah ditubuhkan di Malaysia manakala 17 buah bank lagi adalah cawangan-cawangan bank yang ditubuhkan di beberapa negara asing. Jumlah modal dibayar untuk 21 buah bank tempatan adalah sebanyak \$596.6 juta di mana warganegara Malaysia memegang \$531.9 juta atau 89.1 peratus daripada ekuitinya. Daripada jumlah \$531.9 juta tersebut, institusi-institusi kepentingan Bumiputra dan Bumiputra memiliki \$411.5 juta atau 77.4% dan bakinya \$120.4 juta atau 22.6% adalah dimiliki oleh kaum bukan Bumiputra dan asing. Dari segi bilangannya, sebanyak 9 buah bank adalah dimiliki oleh institusi-institusi kepentingan Bumiputra dan Bumiputra pada bulan Mac 1981, berbanding dengan hanya sebuah bank sahaja yang dikuasai oleh Bumiputra dalam tahun 1970, sementara bakinya dimiliki oleh bukan Bumiputra dan hakmilik asing.

Bagi syarikat-syarikat kewangan pula, terdapat sebanyak 37 buah syarikat kewangan berlesen sedang menjalankan perniagaan di Malaysia. Dari 37 buah syarikat-syarikat kewangan tersebut, sejumlah 31 buah daripadanya dikuasai oleh warganegara Malaysia. Jumlah modal dibayar bagi kesemua syarikat kewangan tersebut adalah sebanyak \$186 juta di mana warganegara

Malaysia memegang \$153.2 juta atau 82.4 peratus dari keseluruhan modal dibayar syarikat-syarikat kewangan tersebut dan warganegara asing memegang \$32.8 juta atau 17.6 peratus. Dari \$153.2 juta modal yang dimiliki oleh warganegara Malaysia, institusi-institusi kepentingan Bumiputra dan Bumiputra memiliki \$60 juta atau 39.2 peratus dan sejumlah \$93.2 juta atau 60.8 peratus dimiliki oleh bukan Bumiputra dan asing. Dari segi bilangannya pula sebanyak 10 buah syarikat kewangan adalah dimiliki oleh institusi-institusi kepentingan bumiputra dan bakinya dimiliki oleh bukan bumiputra dan hakmilik asing.

Berhubung dengan permohonan untuk menubuhkan bank-bank perdagangan ianya adalah diasaskan dan diteliti mengikut merit masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan menganggap jumlah dan perkhidmatan bank-bank yang terdapat di negara ini adalah memenuhi keperluan negara dan orang ramai. Oleh itu, penubuhan bank-bank tambahan tidaklah diperlukan setakat ini. Kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan bank-bank boleh diperolehi dengan penubuhan cawangan tambahan oleh bank-bank tempatan yang sedia ada.

Mengenai syarikat-syarikat kewangan pula permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen baru hanya dikeluarkan kepada sesebuah syarikat awam yang mempunyai modal dibayar tidak kurang daripada \$2 juta dan struktur milikan modal adalah bersesuaian dengan dasar Kerajaan dan di samping itu pengurusan dan kakitangan syarikat itu mencerminkan komposisi penduduk negara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mempertimbangkan untuk menubuhkan satu jawatankuasa siasatan untuk menyiasat aduan tentang lesen-lesen bank dan syarikat-syarikat kewangan dikeluarkan untuk tujuan-tujuan politik, khususnya di Johor dan di kawasan Selangor.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kita tidak perlu mengadakan jawatankuasa siasatan dan tidak pernahpun dikeluarkan lesen-lesen untuk tujuan politik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

PENUNTUT-PENUNTUT KE LUAR NEGERI

17. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengiktiraf lebih banyak universiti serta kelulusannya dari negara-negara jiran seperti Indonesia dan India untuk membolehkan lebih ramai penuntut melanjutkan pelajaran ke seberang laut memandangkan kadar bayaran persekolahan yang tinggi di United Kingdom, Australia, New Zealand dan lain-lain negara.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Kerajaan British menaikkan yuran persekolahan pada tahun 1980, Kerajaan kita telah mengurangkan bilangan penuntut yang dihantar ke United Kingdom dan menambahkan lagi bilangan penuntut yang dihantar ke Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Canada dan Belgium. Berkenaan dengan soal pengiktirafan, dari masa ke semasa, Kerajaan memang mengkaji kemungkinan mengiktirafkan universiti-universiti di luar negeri termasuk di negara-negara India dan Indonesia.

KAMPUCHEA—PENDIRIAN BERSAMA ASEAN

18. Tuan Oo Sin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandangkan bahawa di persidangan negara-negara berkecuali di New Delhi baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri (Hal Ehwal Luar Negeri) Singapura mendakwa bahawa tujuan serta merta ASEAN ialah bagi menubuhkan satu barisan bersepakat dari semua kalangan kumpulan penentang Khmer dan ASEAN bersedia membekalkan pakatan seperti itu dengan bantuan termasuk senjata; adakah Malaysia bersetuju dengan konsep seumpama itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Sebagaimana telah dinyatakan di Dewan yang mulia baru-baru ini bahawa perkara yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya pendapat akhbar semata-mata; tegasnya tidak ada sebarang cadangan rasmi pernah dibuat kepada ASEAN dan ASEAN pula tidak pernah menjadikannya suatu pendirian bersama ASEAN mengenai perkara tersebut.

Dasar Malaysia dan ASEAN mengenai masalah Kampuchea tetap tidak berubah di mana ASEAN tidak akan mencampur tangan dalam urusan hal ehwal dalam negeri Kampuchea. Apa yang sebenarnya kita kehendaki ialah suatu penyelesaian politik yang berkekalan bagi pertikaian di Kampuchea berdasarkan Resolusi 35/6 Bangsa-bangsa Bersatu. Resolusi itu antara lain, menekankan supaya semua tentera asing diundurkan sepenuhnya dari Kampuchea dan memberikan hak kebebasan kepada rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka tanpa gangguan atau pengaruh kuasa-kuasa luar.

Dalam hubungan ini kita akan terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana Kerajaan ini adalah Kerajaan yang sah di sisi undang-undang. Kita juga sedar adanya usaha-usaha sedang dijalankan untuk menubuhkan satu Barisan Bersatu. Sekiranya suatu pucuk pimpinan baru dalam Kerajaan Demokratik Kampuchea muncul untuk menggantikan pucuk pimpinan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang ada sekarang dan pertukaran pucuk pimpinan itu dilakukan oleh rakyat Kampuchea sendiri tanpa sebarang campurtangan dari luar, kita akan menghormati pilihan rakyat Kampuchea itu.

PENERBANGAN MAS KE PARIS

19. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebelum penerbangan MAS dibenarkan mendarat sekali seminggu di Paris sebanyak 3 perundingan telah diadakan, yang pada mulanya hampir akan berakhir dengan kebuntuan dan apakah soal-soal pokok yang menyebabkan perundingan

tersebut berlarutan sehingga bertahun-tahun dan sama ada persetujuan ini menguntungkan Malaysia atau France.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Sebelum sesebuah syarikat penerbangan itu dibenar mengadakan penerbangan ke sesebuah negara asing, amalan peraturan antarabangsa memerlukan rundingan udara di antara kedua belah negara berkenaan diadakan terlebih dahulu untuk mengkaji dan menetapkan hak masing-masing di bawah perjanjian udara. Sama ada rundingan tersebut dapat diselesaikan dengan secepat mungkin ataupun mengambil masa yang lebih lama bergantunglah kepada keadaan dan isu-isu yang dipersoalkan.

Memanglah benar bahawa sebelum MAS memulakan perkhidmatannya ke Paris sebanyak sekali seminggu itu baru-baru ini, rundingan-rundingan telah diadakan dengan Kerajaan Perancis. Soal pokok yang tidak dapat diselesaikan dalam rundingan awal ialah mengenai hak pengangkutan trafik oleh MAS di antara Kuala Lumpur ke Paris dan juga hak pengangkutan Trafik Kelima di antara Paris ke tempat-tempat lain. Rundingan yang terakhir iaitu yang telah diadakan pada bulan November 1980 telah menghasilkan persetujuan di antara kedua belah pihak ke atas satu persefahaman yang baru dan persetujuan ini adalah memuaskan dari segi keperluan rancangan MAS pada masa ini.

PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT KE UNIVERSITI

20. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah formula akan digunakan dalam pengambilan penuntut di peringkat pusat pengajian tinggi dalam tahun 1981/82 dengan memberikan angka mengikut kaum.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pada sesi 1981/82 ini, formula yang digunakan untuk pengambilan penuntut-penuntut ke universiti-universiti tempatan ialah dengan menambah 2% lagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera berbanding dengan tahun lalu supaya peratusan pengambilan keseluruhan bagi kelima-lima buah Universiti Tempatan pada sesi 1981/82 ialah 60.3% Bumiputera dan 39.7% bukan Bumiputera.

Tambahan 2% pengambilan pelajar-pelajar bukan Bumiputera ini akan terus dilaksanakan sehingga nisbah komposisi kaum 55:45 secara keseluruhannya di kelima-lima buah Universiti Tempatan dapat dicapai.

Mengenai angka pengambilan mengikut kaum belum dapat diketahui disebabkan pengambilan pelajar belum lagi dilakukan.

HARGA GULA/SUSU PEKAT

21. Tuan V. David minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan positif Kementeriannya telah ambil untuk mengawal harga gula dan susu pekat; sama ada beliau sedar harga gula telah dibenarkan melambung naik tanpa memperhitungkan kepentingan para pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menjawab soalan yang hampir sama dengan soalan ini ketika beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 17hb Mac, 1981. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA ISLAM DI TAIF

22. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi negara-negara Islam yang lain, terhadap ucapan penting YAB Pemangku Perdana Menteri yang dibuat selepas pembukaan rasmi persidangan negara-negara Islam di Taif.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Reaksi negara-negara Islam terhadap ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri di Persidangan Kemuncak di Taif, adalah baik dan positif. Ucapan beliau itu mengandungi pendekatan dan pendirian Malaysia, sebagai negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam terhadap isu-isu yang berkaitan dengan dunia Islam dan perhubungan antarabangsa seluruhnya. Di dalam memberikan pandangan-pandangan negara terhadap isu-isu ini, beliau telah menekankan dengan tegasnya akan

kepentingan kerjasama ekonomi, di antara negara-negara Islam untuk dijadikan teras perpaduan dan kekuatan Islam yang pada pendapat beliau, amat penting jika PPI hendak mengatasi masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang akan dihadapinya. Beliau juga berpendapat hanya dengan asas ekonomi yang kukuh di samping persefahaman serta persaudaraan Islam yang sudah terjalin akan memberi erti dan makna yang lebih berkesan kepada pergerakan pertubuhan Persidangan Islam. Kekuatan ekonomi juga akan menjamin kedaulatan negara-negara Islam dan membebaskan kita dari ikatan dan pengaruh ekonomi negara-negara besar.

Dalam kita hendak memperjuangkan kedaulatan Islam dalam apa jua bidang, kekuatan politik dan ketenteraan sahaja tidak mencukupi tanpa kekuatan ekonomi dan ketahanan negara-negara Islam sendiri. YAB Timbalan Perdana Menteri telah juga membuat syor-syor atau saranan-saranan untuk mewujudkan rangka kerjasama ekonomi Islam yang difikirkan secukup dengan keupayaan negara-negara ahli dan selaras dengan kehendak-kehendak keadaan ekonomi dunia.

PERKHIDMATAN MENGHANTAR SURAT DI SABAH/SARAWAK

23. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab kelambatan untuk memperkenalkan perkhidmatan menghantar surat di Sabah dan Sarawak, adakah kadar pos kedua negeri tersebut dapat dikurangkan disebabkan orang ramai tidak dapat menikmati faedah yang memuaskan hasil dari bayaran yang telah mereka bayar.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Penyerahan dari rumah ke rumah telah di perkenalkan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1968. Malahan penyerahan dari rumah ke rumah yang terhad telahpun sedia ada di Sarawak dalam pekan-pekan yang besar sebelum tahun 1968 lagi. Buat masa sekarang, penyerahan dari rumah ke rumah adalah sedang dilakukan dalam semua kawasan di Sabah dan Sarawak di mana sebuah rumah itu terletak dalam jarak lingkungan 5 batu hingga

12 batu dari Pejabat Pos tersebut dan ini bergantung kepada kemudahan-kemudahan perhubungan jalan dan lain-lain. Di samping masalah tersebut kerumitan yang dihadapi dalam penyerahan surat dari rumah ke rumah ialah ketiadaan nombor-nombor rumah bukan sahaja di kawasan-kawasan perkampungan bahkan juga disetengah-setengah kawasan bandar. Masalah seperti ini yang terdapat terutamanya sekali di bandar Kota Kinabalu sedang di atasi oleh Kementerian saya. Sebenarnya penyerahan dari rumah ke rumah adalah sedang diperluaskan secara progresif untuk meliputi akhirnya keseluruhan Negeri Sabah dan Sarawak. Kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh penyerahan dari rumah ke rumah adalah diliputi oleh perwakilan pos 'callers'. Pihak orang ramai mengambil surat-surat mereka daripada perwakilan-perwakilan pos ini.

Walau bagaimanapun, penyerahan kepada peti-peti surat masih terus menjadi popular di Sabah dan Sarawak dan permintaan bagi peti-peti surat di pekan-pekan yang besar adalah didapati begitu bertambah. Dalam pelan-pelan bangunan kami untuk projek-projek pejabat pos penggantian di pekan-pekan besar dalam Sabah dan Sarawak, kami akan menyediakan bilangan besar peti-peti surat daripada yang sedia ada pada masa sekarang.

Soal mengenai mengurangkan kadar-kadar bayaran pos untuk kedua-dua negeri tersebut tidak timbul oleh kerana kemudahan penyerahan dari rumah ke rumah telahpun diadakan di kedua-dua negeri itu, sungguhpun tidaklah begitu meluas buat masa ini jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia dan segala usaha adalah sedang kami lakukan untuk membawa taraf perkhidmatan pos di kedua-dua negeri tersebut kepada taraf di Semenanjung Malaysia dalam masa sesingkat yang boleh.

KAPAL TERBANG JET TEBUAN TUDM

24. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengeluarkan arahan supaya menghentikan penggunaan semua kapal terbang Jet Tebuan TUDM dengan serta merta memandangkan beberapa buah kapal terbang jet tersebut telah terhempas mengakibatkan kehilangan

pegawai-pegawai kepada TUDM dan kemalangan yang paling akhir menerima ialah pada awal tahun 1981 dan jika ya, bila dan jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Saya telahpun beberapa kali menjawab soalan-soalan yang hampir sama bunyinya, iaitu ketika menjawab pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, Matang, Panti dan Maran pada 1hb, 3hb dan 6hb April, di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

DOKTOR-DOKTOR KONTRAK

25. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaikah doktor kontrak yang diambil dari Indonesia dan lain-lain negeri dan adakah beliau berpuashati dengan perkhidmatan doktor-doktor kontrak tersebut. Jika tidak, apakah tindakan yang boleh diambil untuk memberhentikan kontrak mereka. Sekiranya Kementerian berpuashati, bagaimanakah dengan perkhidmatan seorang doktor kontrak di Pusat Kesihatan Besar, Pasir Putih, Kelantan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini terdapat 37 orang doktor dari Indonesia dan 114 orang doktor dari lain-lain negara yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan secara kontrak.

Pada keseluruhannya, Kementerian Kesihatan berpuashati dengan perkhidmatan pegawai-pegawai kontrak ini. Kita belum lagi menerima apa-apa aduan secara rasmi mengenai doktor kontrak di Pusat Kesihatan Besar, Pasir Putih, Kelantan. Doktor-doktor kontrak dari luar negeri setibanya mereka kemari adalah diberi kursus orientasi, agar mereka dapat mempersesuaian diri dengan sistem perkhidmatan rawatan kesihatan di negara ini bagi mengelakkan salahfaham yang mungkin wujud dengan orang ramai. Mereka juga berkhidmat di bawah penyeliaan dan arahan Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri yang berkenaan di mana mereka sentiasa

dapat berunding dengan Ketua-ketua Jabatan tempatan untuk mendapat bimbingan di mana yang perlu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan boleh menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai kontrak ini apabila mereka didapati tidak memuaskan.

TABUNG PEMBANGUNAN SEKOLAH

26. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Guru Besar boleh memotong sedikit gaji guru-guru untuk dimasukkan ke Tabung Pembangunan Sekolah dan sama ada kebenaran mesti di dapati dari Kementerian terlebih dahulu dan sebutkan sama ada Kementerian beliau berniat hendak memberhentikan potongan gaji guru itu.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada Guru Besar untuk memotong gaji guru-guru bagi dimasukkan ke dalam Tabung Pembangunan Sekolah. Apa yang diamalkan adalah merupakan inisiatif Guru Besar itu sendiri dan sumbangan yang diberikan itu adalah dengan sukarela.

PERANAN MALAYSIA MENGENAI KONFLIK IRAN-IRAQ

27. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan peranan yang dimainkan oleh Malaysia telah mendapat sanjungan oleh Iran dan Iraq, sama ada Malaysia bercadang untuk memainkan peranan yang aktif bagi memulihkan hubungan kedua negara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Mengemang menjadi harapan Dunia Islam bahkan seluruh dunia agar konflik antara kedua buah negara Islam Iran dan Iraq diselesaikan secara aman damai secepat mungkin. Dalam hubungan ini Malaysia telah diberi penghormatan memainkan peranan yang aktif dengan menyertai Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Islam yang ditubuhkan khusus untuk mencari penyelesaian kepada konflik Iran-Iraq. Kita berdoa semoga usaha

Jawatankuasa ini berjaya supaya peperangan antara Iraq dan Iran dapat dihentikan dan hubungan antara mereka pulih semula demi perpaduan Ummah dan Keamanan dunia seluruhnya. Kita akan terus memberi sumbangan kepada apa saja usaha-usaha damai melalui Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Islam yang tersebut.

BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUNG GAJAH

28. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan rancangan bekalan elektrik yang akan dilaksanakan oleh Kementerian ini di kawasan Daerah Kecil Kampung Gajah dalam Daerah Perak Tengah dalam kawasan Parlimen Hilir Perak dalam tahun 1981 dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat memandangkan kawasan ini terlalu ketinggalan dalam pembekalan elektrik ini.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya memberitahu bahawa sebuah projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan akan dilaksanakan oleh Syarikat KED pada tahun ini di Daerah Kecil Kampung Gajah. Projek ini yang akan menelan belanja sebanyak \$548,250 akan memberi manfaat kepada 371 keluarga di Kampung Pulau Juar, Kampung Bandang Besar, Kampung Raja, Kampung Kepayang, Kampung Pulau Gajah, Kampung Pasir Panjang dan Kampung Pulau Besar.

Di bawah RME, 9 buah projek lagi untuk memberi manfaat kepada 1,547 keluarga yang akan menelan belanja sebanyak \$2,740,760.00, bagi tahun 1982-1985 telah dicadangkan untuk pelaksanaan oleh Syarikat KED bagi daerah kecil tersebut.

Di samping itu, saya difahamkan Syarikat KED juga akan melaksanakan empat buah projek BELB yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun ini di daerah kecil ini.

PENDATANG HARAM DI SEMPADAN PERLIS-THAILAND

29. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa

ramai pendatang haram menduduki wilayah Malaysia berhampiran sempadan Perlis-Thailand dan apakah tindakan Kerajaan atas pencerobohan dan menduduki cara haram serta menjalankan kegiatan yang tidak diingini di wilayah negara kita ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan adalah menyedari dan memandang berat ke atas perkara ini. Tindakan undang-undang telah diambil ke atas mereka dengan menangkap, mendakwa dan mengusir mereka keluar. Anggota-anggota Keselamatan Sempadan dan Unit Pencegah Penyeludupan juga sentiasa bertindak membentasi kegiatan pencerobohan dan pendudukan secara haram di negeri ini.

LESEN PERLUMBAAN ANJING

30. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa satu lesen telah dikeluarkan oleh Kerajaan untuk menjalankan usaha-usaha Perlumbaan Anjing dan jika benar kepada siapakah lesen yang berkenaan itu telah dikeluarkan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Adalah tidak benar lesen yang dimaksudkan itu dikeluarkan oleh Kerajaan.

USUL-USUL

AKTA ACARA KEWANGAN 1957 Kumpulanwang Amanah Kerajaan

3.33 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut seksyen kecil 4(a) seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

Jadual Kedua Akta tersebut menetapkan berbagai jenis Kumpulanwang Amanah Kerajaan. Dewan ini boleh dengan usul meminda, memotong butiran yang ada atau menambahkan butiran baru kepada Jadual tersebut dari masa ke semasa. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan penubuhan Kumpulanwang Amanah ini yang dinamakan Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pelajar-pelajar kita di United Kingdom telah mengalami beberapa kesulitan disebabkan yuran pengkajian yang tinggi yang telah dikenakan oleh Kerajaan United Kingdom. Untuk membantu pelajar-pelajar ini supaya pengkajian mereka dalam bidang-bidang tertentu tidak ter bengkalai maka Kerajaan perlu menubuhkan sebuah Kumpulanwang Amanah Kerajaan supaya bantuan terutamanya secara pinjaman kepada pelajar-pelajar ini dapat dibuat. Sebagai tindakan permulaan peruntukan sebanyak \$750,000 telahpun diluluskan untuk menampung keperluan-keperluan pinjaman disebabkan oleh kenaikan yuran pelajaran. Selain daripada keperluan pinjaman ini pelajar-pelajar kita di luar negeri perlu juga dibantu dalam masa-masa kecemasan memerlukan rawatan di hospital-hospital ataupun memerlukan dihantar pulang disebabkan kematian. Lain-lain bantuan adalah bagi kepentingan persatuan-persatuan pelajar untuk membolehkan mereka mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat menjaga nama baik Malaysia di negara-negara di mana mereka belajar. Oleh kerana kekurangan tempat-tempat belajar di universiti-universiti dalam negeri maka ramai daripada pelajar-pelajar Malaysia yang berkelayakan terpaksa mendapatkan tempat-tempat di universiti-universiti di luar negeri terutamanya di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Kanada. Oleh kerana dasar-dasar berhubung dengan yuran pengajian tidak dapat diramalkan oleh pelajar-pelajar ini maka ini sudah tentu akan mengakibatkan mereka kekurangan wang apabila Kerajaan-kerajaan yang berkenaan menaikkan kadar-kadar yuran pengajian dengan begitu tinggi seperti yang

telah berlaku di United Kingdom. Kadar-kadar kenaikan inflasi juga tidak dapat diramalkan dan ini juga boleh mengakibatkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri menghadapi kesulitan kewangan. Dengan Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini adalah diharapkan setidak-tidaknya sebahagian daripada kesulitan kewangan pelajar-pelajar ini dapat ditampung dengan meminjamkan keperluan-keperluan yang minima kepada mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga kerap kali membangkitkan perkara seperti ini supaya pihak Kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya bagi mengurangkan kesulitan pelajar-pelajar kita di luar negeri terutamanya dari segi kewangan. Ini memandangkan kepada keadaan di mana pelajar-pelajar kita sering terperangkap apabila kerajaan-kerajaan di negara tempat mereka belajar menaikkan yuran pengajian universiti-universiti dengan begitu tinggi. Dasar kerajaan negara-negara berkenaan tidak dapat diramalkan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan penubuhan Kumpulanwang Amanah ini supaya dapat menampung keperluan-keperluan, kebajikan, kemudahan dan pinjaman kepada pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang usul ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.38 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai penubuhan sebuah Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini dialu-alukan memandangkan kesulitan kewangan yang sentiasa dialami oleh pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut akibat kenaikan kos yuran pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi di luar negeri khususnya di United Kingdom.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan harapan saya bahawa bantuan kewangan dari Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini dapat diperuntukkan secara adil dan saksama kepada semua pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut yang layak dan yang benar-benar memerlukan bantuan itu.

Di sini suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah garis panduan yang digunakan untuk menentukan bagaimana bantuan kewangan itu diperuntukkan kepada pelajar-pelajar Malaysia yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang pertanyaan saya ini adalah mustahak supaya kita semua mendapat tahu dengan lebih teliti bagaimana pihak Kerajaan hendak menggunakan kumpulanwang itu untuk menentukan bahawa semua pelajar-pelajar Malaysia akan mendapat bantuan itu.

Selain daripada itu suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak swasta iaitu syarikat-syarikat perniagaan khususnya syarikat-syarikat perniagaan yang mempunyai perhubungan dengan United Kingdom sama ada syarikat itu ada diminta untuk memberi sumbangan kepada Kumpulanwang Amanah Kerajaan yang telah ditubuhkan itu.

Saya berpendapat, Tuan Speaker, bahawa pihak swasta iaitu syarikat-syarikat perniagaan yang berkenaan patutlah menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan supaya Kumpulan Wang itu mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan tujuan-tujuan dan objektif-objektifnya.

Itulah pandangan saya terhadap usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.41 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya juga turut mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Acara Kewangan, 1957.

Seksyen 4 (a) Akta tersebut berbunyi:

(Dengan izin)

“10. (4) (a) The Dewan Rakyat may from time to time by resolution amend, delete from or add to the Second Schedule.”

Saya menyokong sepenuhnya bahawa satu Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut ditubuhkan di bawah Jadual Kedua. Sekarang kita ada mempunyai 34 Kumpulanwang Amanah di bawah Second Schedule; kalau ditambah satu lagi Kumpulanwang Amanah ada 35. Soalan yang saya perhatikan dan ambil berat ialah bagaimanakah Kementerian Kewangan di bawah Akta Acara Kewangan ini boleh mentadbirkan wang-wang yang terletak di dalam Kumpulanwang Amanah sebagaimana yang ternyata dalam Akta Acara Kewangan, 1957. Dari rekod dan pengalaman-pengalaman yang kita perolehi, kita dapati bahawa sistem akaun atau sistem kira-kira baik di peringkat State iaitu di bawah Kumpulanwang Amanah dalam Third Schedule atau di peringkat Persekutuan (Federal) ialah Second Schedule ini nampaknya adalah berlaku banyak penyelewengan sehingga simpanan rekod kira-kira tidak up-to-date, kadang-kadang kira-kira tidak disimpan dengan baik, hutang-hutang yang bertahun-tahun tidak boleh dikutip balik, semua ini sudah ternyata dalam Laporan Juruodit tiap-tiap tahun umpamanya kes-kes yang berlaku di Penang, Melaka dan Johor.

Di peringkat State juga kita dapati banyak hutang-hutang langsung tidak dikutip balik khususnya dari Pejabat Tanah di bawah Akta Acara Kewangan sama juga dalam Kumpulanwang Amanah.

Tuan Speaker, oleh kerana ini adalah berkaitan dengan public money menurut Akta Acara Kewangan ini, iaitu:

“to provide for the control and management of the public finances of Malaysia, and for financial and accounting procedure, including procedure for the collection, custody and payment of the public moneys of the Federation and of the States, . . .”

Nampaknya kalaulah kita menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah di bawah Akta Acara Kewangan ini juga terletak di bawah management Persekutuan iaitu tertakluk di bawah Second Schedule (Jadual Kedua) saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberi satu jaminan bahawa pada masa-masa akan datang semua akaun, semua rekod, semua sistem pentadbiran akaun baik di peringkat Negeri atau di peringkat Persekutuan bolehlah dimodenkan atau disemak semula khususnya dalam konteks Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi Keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, menurut rekod tahun 1980 hingga setakat ini ada seramai 40,000 pelajar-pelajar Malaysia adalah menuntut pelajaran tinggi di seberang laut. Di antara 40,000 bilangan pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran tinggi mereka di seberang laut ini kaum Cina telah menduduki lebih 60%. Sebab itu saya adalah meminta pihak Kementerian Kewangan bila dalam memberikan peruntukan atau mengadakan peraturan-peraturan untuk memberikan keperluan atau peraturan yang berkaitan dengan kebajikan atau kemudahan atau yang berkaitan dengan pinjaman ini, tidak akan berlaku apa-apa diskriminasi berasaskan kepada keturunan kaum atau berasaskan kepada kepentingan-kepentingan yang tertentu kerana memang telah sampai masanya dan sangat bijak bagi Kerajaan pada peringkat saat ini untuk menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah yang baru di bawah Akta Acara Kewangan tetapi beberapa perkara saya perlu menarik perhatian bila ada timbulnya satu perkara iaitu mengenai Fasal 17 yang mengenai “write off”; dengan izin.

“Write off

17. The Minister in respect of public moneys, revenue and stores of the Federation and the Menteri Besar or Chief Minister in respect of public moneys, revenue and stores of the State shall have power—

(a) to write off losses or deficiencies of public moneys and the value of lost, deficient, condemned, unserviceable or obsolete stores;”

Nampaknya Menteri Kewangan adalah mempunyai kuasa yang sangat besar untuk menghapuskira akaun-akaun atau hutang-hutang yang di bawah Kumpulanwang Amanah ini. Umpamanya, MARA pada 2 hari yang lepas kita dengar hampir \$23 juta sudah dimohon untuk dihapuskira. Kalaulah kita tidak boleh menubuhkan satu sistem akaun yang moden yang berasaskan kepada kepentingan negara kita khususnya di bawah Kumpulanwang Amanah ini maka pada masa-masa akan datang lebih banyak permohonan mengenai menghapuskira akaun yang akan diminta khasnya di bawah Fasal 17—Write off, kerana Menteri Kewangan adalah berhak untuk berbuat begini. Memang di bawah peraturan 18 yang mengenai ‘surcharge’ ini Service Commission boleh mengenakan satu peraturan yang baru mengenai bagaimana wang-wang ini boleh dikenakan surcharge dan lain-lainnya. Tetapi yang lebih mustahak ialah mengenai 35 Kumpulanwang Amanah yang telah diwujudkan di bawah Jadual Kedua di dalam Akta Acara Kewangan, 1957 ini bagaimana Kementerian Kewangan boleh memberikan satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua wang rakyat (public money) tidak akan diboroskan atau disia-siakan sahaja dengan secara ‘write off’ kalau sampai masa tidak boleh dikira atau disimpan rekodnya, boleh dihapuskirakan di bawah Fasal 17 mengikut Akta yang berkenaan termasuk Kumpulanwang Amanah yang akan diwujudkan hari ini di Dewan yang mulia ini.

Saya adalah meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan (beliau pun ada di sini)—kerana menurut kira-kira umpamanya UDA,

SEDC, PERNAS jelas kita lihat SEDC dari tahun 1972 hingga 1979 rekod yang diberikan oleh Kerajaan, Trengganu rugi \$11 juta . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, usul ini berkaitan dengan Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman, jadi bukanlah dia berniaga atau apa-apa.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, memang kerana itu Kumpulanwang mahu diwujudkan dan saya mahu menarik perhatian Dewan Rakyat dan pihak Kementerian Kewangan supaya kesilapan-kesilapan yang sama tidak berlaku, umpamanya SEDC akan tertimpa kepada Kumpulanwang Amanah yang baru diwujudkan itu. Umpamanya Trengganu SEDC rugi \$11 juta, Melaka \$2.2 juta, Sabah \$15 juta . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bercadang hendak menarik perhatian Standing Order 36 (1). Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua sudahpun menahan, saya tarik balik.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata mula-mulanya, saya kata di bawah Akta Acara Kewangan di bawah Jadual Kedua, melebihi 34 Kumpulanwang Amanah sudah ditubuhkan. Sekarang kita tambah lagi satu Kumpulanwang Amanah Kerajaan, baru diwujudkan, maka saya perlu menarik perhatian segala kesilapan dan penyelewengan yang sudah berlaku di bawah Kumpulanwang Amanah ini perlulah dielakkan. Saya suka memberikan contoh-contohnya, umpamanya, SEDC, MARA dan beberapa badan awam yang berkenaan.

Akhirnya, saya harap Timbalan Menteri Kewangan boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana Fasal 17 mengenai write off ini dan juga mengenai sistem akaun yang berkaitan Kumpulanwang Amanah ini bolehlah diperkemaskan supaya kerugian-kerugian dan segala kesilapan dan penyelewengan dalam pentadbiran akaun negara kita ini boleh dijamin supaya public fund, public money ini tidak akan diboroskan. Sekian sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

3.54 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit ulasan sahaja bersabit dengan cadangan ini. Saya menyokong sepenuh-penuhnya usul ini dan saya merasa bahawa usul ini adalah satu usul yang sangat-sangat berfaedah bagi menolong semua penuntut-penuntut kita yang mengalami kesulitan akibat daripada inflasi dan berbagai-bagai masalah yang timbul dalam masa-masa akhir ini, bukan sahaja bagi penuntut-penuntut kita di England, sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi juga kesulitan-kesulitan dan kerumitan-kerumitan telah melibatkan penuntut-penuntut kita di berbagai-bagai negara yang lain seperti Amerika, Australia, mungkin India dan juga di Mesir, di Egypt di mana ada lebih kurang 400-500 orang penuntut-penuntut kita yang dihantar dengan biasiswa Kerajaan Federal atau Kerajaan Negeri di mana biasiswa-biasiswa ini sangat tidak mencukupi pada masa ini, menimbangkan belanja hidup, bayaran sekolah, sewa rumah yang meningkat tinggi dari semasa ke semasa di negara tersebut. Saya sendiri sentiasa menerima aduan-aduan dan sungutan-sungutan ini dan ada pengalaman bagaimana penuntut-penuntut kita di negara tersebut yang saya maksudkan ialah di Cairo khususnya selalu datang mengadukan halnya bahkan hendak meminjam wang kepada pegawai-pegawai, kepada Duta Besar di situ yang kalau tidak diberipun akan menjadi kerumitan juga, kalau diberi pinjampun agak susah hendak kutip kemudian.

Saya percaya dengan penubuhan Tabung Pinjaman Kebajikan ini akan boleh melegakan sedikit atau menghuraikan masalah-masalah ini. Seperti saya katakan bahawa di Cairo ada lebih daripada 400 orang yang menerima biasiswa, ada 200 orang lebih penuntut-penuntut perubatan dan lain-lain ialah dalam kursus lanjutan pengajian Islam dan sebagainya. Cuma saya kurang pasti daripada keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apakah

Tabung Pinjaman ini khusus untuk membantu kesusahan atau kerumitan mereka yang mendapat biasiswa sahaja ataupun mereka yang dihantar belajar keluar negeri dengan biasiswa ataupun terbuka kepada mereka yang tidak mendapat biasiswa oleh sebab sepanjang yang saya tahu bahawa masalah ini ada lebih rumit dan sulit kepada mereka yang tidak mendapat sebarang biasiswa.

Saya berharap bahawa Timbalan Menteri akan dapat menerangkan sama ada Tabung ini untuk mereka yang dapat biasiswa atau terbuka kepada mereka yang sangat-sangat memerlukan bantuan. Saya faham mustahil bagi kita hendak membantu semua mereka yang sulit tetapi saya sangat-sangat berharap bahawa Tabung Kebajikan ini akan dibuka bagi faedah semua penuntut kita yang susah, orang Melayu, orang Tionghua, orang India semua orang-orang Malaysia yang sangat memerlukan bantuan. Sekian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

3.56 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan kebajikan, kemudahan dan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut. Dengan adanya Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini, ini dengan jelas telah membuktikan bahawa Kerajaan betul-betul sedar tentang masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di seberang laut berbangkit daripada keadaan inflasi yang melanda dunia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai peruntukan ini saya harap pihak Kerajaan akan mengkaji semula dasarnya yang selama ini menjadikan England ataupun United Kingdom itu sebagai tumpuan menghantar pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajar ke luar negeri. Patutlah daripada sekarang Kerajaan mengkaji di tempat-tempat lain, umpamanya, di Kanada, di Australia, di New Zealand, di mana-mana negara-negara ini menggunakan bahasa pengantar bahasa

Inggeris, bahasa kedua kita yang selama ini bahasa ini yang menjadi kebiasaan penduduk negara kita yang sudah selama ini bahasa ini sangat rapat dengan negara kita. Bagi negara-negara lain yang tidak menggunakan bahasa Inggeris barangkali ini menjadi kesulitan kepada para-para pelajar kita pula. Maksud saya pihak Kerajaan patutlah mengkaji mana-mana Institusi Pelajaran Tinggi iaitu di negara Kanada, Australia dan New Zealand untuk menghantar lebih banyak pelajar kita melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Di samping itu pinjaman kemudahan ini patutlah kita memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dalam jurusan kejuruteraan, undang-undang, jurukira dan kedoktoran.

Oleh sebab orang professional di kalangan ini sangat kita perlu untuk menjayakan Rancangan Malaysia Keempat jadi keutamaan pinjaman ini patut diberi kepada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan yang telah saya nyatakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memberi pinjaman dan kemudahan ini patut juga Kerajaan mengkaji selama ini masih berlaku di mana mereka yang telah mendapat pinjaman biasiswa dan sebagainya ini yang sepatutnya dibayar balik bila sudah selesai menamatkan pelajarannya sangat susah untuk membayar balik dan kadang-kadang untuk mencari alamat tempat kerjanya pun menjadi satu kesusahan kepada pihak berkenaan. Ini patut kita ketatkan syarat-syarat supaya pelajar-pelajar ini apabila tamat, setelah mendapat bantuan ini tidak akan dapat melarikan diri atau dengan senang membayar balik segala pinjaman yang telah mereka dapat dari pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai keperluan kebajikan dan kemudahan ini patut juga pihak Kerajaan mengkaji sama ada elok atau tidak kita membeli rumah-rumah untuk dibuat asrama kepada penuntut-penuntut kita di mana difikirkan perlu kerana kita dapati penuntut lebih daripada 100 ke 200 orang di satu-satu tempat itu daripada kita membiarkan penuntut-penuntut atau pelajar ini menyewa sendiri, maka lebih ekonomik, lebih baik Kerajaan mengkaji sama ada elok atau tidak Kerajaan sendiri membeli atau menyewa rumah-rumah untuk menempatkan penuntut-penuntut kita di satu-satu negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi menyokong cadangan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.01 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di atas nama Menteri Kewangan, yakni bertujuan untuk menubuhkan satu Kumpulan-wang Amanah Kerajaan bagi keperluan kebajikan, kemudahan dan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya ini adalah merupakan sebesar-besar nikmat kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri, terutama sekali setelah pelajar-pelajar di luar negeri terutama di England pada tahun lepas mengalami tekanan-tekanan kewangan akibat dasar negara England sejak tahun lepas. Di dalam masalah ini setelah kita mendapat pengalaman daripada peristiwa tekanan dari segi kewangan yang dirasakan oleh penuntut-penuntut kita di England pada tahun lepas maka hendaknya perkara ini kalau belum lagi dijadikan satu matlamat untuk disampaikan kepada semua penuntut-penuntut di semua negara-negara asing maka saya mencadangkan kemudahan ini hendaklah disampaikan kepada semua penuntut-penuntut kita yang menuntut di negara-negara asing.

Dalam masalah ini kalau kita membuka terlalu luas mungkin juga ia akan menjemput ataupun memberi peluang kepada sebarang penuntut cuba mendapat peluang menuntut di luar negeri walaupun kemampuan kewangan sama ada keluarga mereka ataupun kemampuan badan-badan yang ingin menaja mereka itu belum dapat dipastikan lagi kecualilah bagi penuntut-penuntut yang ditaja oleh pihak-pihak awam atau pihak Kerajaan, sama ada badan-badan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya perhitungan hendaklah dibuat, kemudahan-kemudahan ini hanya diberi kepada selain daripada mereka yang ditaja

oleh pihak Kerajaan, sama ada melalui badan-badan berkanun Kerajaan di peringkat Pusat mahupun badan-badan berkanun Kerajaan di peringkat Negeri, maka selain daripada itu hendaklah juga diberi kepada mereka yang benar-benar mengambil kursus yang akan memberi manfaat kepada negara. Soal takrif kemanfaatan kepada negara ini adalah terulang kepada kebijaksanaan pihak Kementerian Pelajaran untuk menentukan sesuatu kursus sebagaimana setakat hari ini telahpun ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan pihak-pihak yang berkenaan, sama ada JPA atau sebagainya yang mana kursus-kursus yang dianggapkan berfaedah untuk negara, selepas itu barulah kita pertimbangkan bagi mereka yang lain.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya tabung yang dimulakan dengan sebanyak \$750,000 ini tidak kekeringan dengan seberapa segera. Maka salah satu usaha untuk mengurangkan permohonan ini saya cadangkan supaya semua badan-badan yang menganjurkan pelajar-pelajar belajar di luar negeri ini hendaklah menaikkan jumlah tajaan (sponsorship) biasiswa mereka itu, sama ada di peringkat Kerajaan ataupun di peringkat-peringkat badan swasta. Dengan cara demikian, maka peluang lebih banyak akan dapat dirasakan oleh mereka yang menuntut secara persendirian (private).

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya di dalam menentukan istilah "kecemasan" (emergency) ini maka hendaklah ditentukan sekurang-kurangnya penuntut-penuntut ini kiranya mereka mendakwa mereka hendak kembali ke negara lantaran sesuatu sebab yang tertentu, jangan ada pula di kalangan mereka itu singgah di India untuk membuat sesuatu yang tidak baik umpamanya ataupun yang singgah di mana-mana negara dengan alasan-alasan yang tidak ada kena-mengena dengan kursus mereka itu walaupun mungkin di dalam borang, kalau disediakan borang untuk permohonan bagi penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar itu tentulah perkara ini tidak dicatatkan di situ, kalaupun dicatatkan sudah tentu kita percaya pihak yang berkenaan tidak akan meluluskannya, tetapi dalam pada itu perkara ini hendaklah diperhatikan.

Perkara keempat, Tuan Yang di-Pertua, soal bayaran balik. Saya juga ingin menyokong pendapat rakan saya dari Balik Pulau tadi salah satu masalah yang patut difikirkan sekarang juga ialah masalah bayaran balik. Kita dapati terlalu ramai mereka telah mendapat nikmat daripada bantuan atau tajaan pihak-pihak Kerajaan atau pihak badan-badan berkanun Kerajaan, bukan sahaja enggan membayar tetapi juga kadang-kadang terpaksa membebaskan orang-orang yang menjamin mereka itu. Orang-orang yang menjamin pada satu masa dahulu sebagai surety kepada penuntut-penuntut itu dengan alasan belas kasihan atau dengan harapan bahawa penuntut-penuntut itu akan menjadi jujur dan ikhlas apabila mereka itu tamat daripada pengajian mereka itu nanti tetapi apa yang dirasakan oleh penjamin-penjamin tersebut kedapatan juga kadang-kadang penjamin-penjamin tersebut terpaksa terheret ke mahkamah, lantaran setengah-setengah penuntut setelah mengecapi nikmat bantuan Kerajaan, penuntut-penuntut ini tidak bertimbangrasa, tidak bertanggungjawab dan ini hendaklah dicari satu cara bagaimana sekurang-kurangnya walaupun tidak hendak dikenakan kepada penuntut-penuntut berkenaan maka hendaklah jangan dikenakan kepada penjamin-penjamin yang hanya pada masa mereka menjamin itu mereka adalah hendak menolong secara ikhlas sahaja.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.07 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh tentang cadangan Kerajaan mengadakan Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini bagi keperluan kebajikan, kemudahan dan juga pinjaman kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri. Tetapi apa yang penting saya hendak menekankan di sini supaya pihak Kerajaan dapat menentukan pinjaman yang akan dikeluarkan ini benar-benar kepada pelajar-pelajar yang ingin belajar dan bukan kepada pelajar-pelajar yang pergi keluar negeri kerana hendak

berdakwah atau hendak mencari pengalaman politik atau mereka yang mendapat kegagalan dalam pelajaran.

Jadi untuk menentukan pelajar yang benar-benar hendak belajar ini adalah penting bagi sebuah negara kita yang baru membangun supaya segala tanaman modal yang kita keluarkan dan juga kemudahan yang kita keluarkan itu akan mendapat hasil yang paling baik kepada negara kita kerana kalau sekiranya kita tidak menumpukan pinjaman ini kepada pelajar yang benar-benar ingin belajar, maka mereka itu akan menyalahgunakan kewangan itu dan sebaliknya akan tidak menguntungkan kepada Kerajaan yang mengadakan kemudahan seperti ini.

Bagi menentukan ini semua maka kelakuan dan juga sikap pelajar itu terhadap negara ini patut dihalusi kerana kita tidak mahu Kerajaan ini memberi bantuan kepada mereka, tetapi sebaliknya mereka ini kadang-kadang cuba mencaci dan mengkritik Kerajaan dengan kritik yang tidak berasas, cuma mereka ini selalu mendengar cakap-cakap dan juga khabar-khabar angin yang dibawa oleh orang-orang perseorangan, terutama yang dibawa oleh pemimpin parti Pembangkang keluar negeri yang menceritakan sesuatu yang buruk di dalam negara kita ini menyebabkan mereka itu yang tidak tahu tentang keadaan negara kita sebenarnya menerima dan menelan mentah-mentah dan sememang mereka ini yang pergi ke sana ini kita kata sudah keciwa dalam politik negara ini cuba mendapat sokongan daripada pelajar-pelajar dan bakal-bakal yang menjadi cerdik pandai dalam negara kita. Jadi mereka ini hendaklah diawasi supaya kelakuan dan juga sikap; pelajar untuk memberi pinjaman ini adalah mustahak.

Untuk menjayakan ini, saya minta supaya Kerajaan menubuhkan satu badan yang meluluskan pinjaman ini supaya dapat diberi kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkehendakkan pinjaman ini supaya benar-benar memberi faedah kepada pelajar itu.

Yang kedua, saya suka menyentuh kepada peranan Duta supaya sentiasa memberi penerangan dan juga mendekati pelajar-pelajar ini kepada dasar-dasar Kerajaan

dengan cara fikiran yang terbuka. Kita tidak mahu dengan perasaan yang negatif atau perasaan extremist yang menuduh dengan membuta tuli kepada dasar-dasar Kerajaan dan juga kita tidak mahu mereka ini menganggap Kerajaan ini suatu benda yang jauh dan juga memberi nilai-nilai yang tidak baik kepada tanahair. Kerana kalau mereka ini memberi nilai yang tidak baik kepada tanahair adalah tidak menguntungkan Kerajaan yang memberi pinjaman kepada mereka itu bagi membantu orang yang tidak tahu membalas budi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kerana mereka ini ada setengah tidak sedar, yang sedar kita mengucapkan terima kasih kerana mereka yang berjaya keluar negeri itu adalah merupakan dasar baik Kerajaan kita, dengan melalui Dasar Ekonomi Baru yang dirancang oleh pemimpin-pemimpin negara kita. Kalau mereka ini tidak disedari dan tidak didekati dengan dasar-dasar seperti ini maka mereka ini akan kelu dan juga akan menimbulkan beban yang paling tidak baik dan apabila balik ke negara ini atau baru balik dari England, baru balik dari Mesir, baru balik dari tanah Arab mendabik dada bahawa akulah intelek, bahawa semua dasar Kerajaan tidak betul dan menimbulkan kesusahan pula kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menentukan mereka itu adalah daripada golongan pemimpin yang baik atau yang tidak baik untuk menentukan bahawa itu pemimpin politik atau pemimpin sosial yang akan mengakibatkan kesusahan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga kepada Pendaftar. Oleh itu menentukan pelajar yang akan menerima biasiswa ini adalah mustahak. Oleh itu saya menyokong penuh acara Kumpulanwang Pinjaman ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling, lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.12 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong sebarang usaha dan sebarang

langkah yang diambil untuk menolong pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut dalam usaha-usaha untuk mereka meneruskan pelajaran mereka dan juga untuk meringankan bebanan mereka akibat perubahan-perubahan ekonomi di negara-negara di mana mereka sedang menuntut. Tetapi sebarang Kumpulanwang Amanah atau kegunaan wang Kerajaan hendaklah ditentukan dasar-dasar yang jelas, dasar-dasar yang dapat memberi keadilan kepada semua pelajar-pelajar tanpa meletakkan sesuatu kriteria yang tidak berdasarkan kepada tujuan yang sebenarnya bantuan-bantuan itu diberi.

Umpamanya setengah-setengah kemudahan, misalnya pengalaman yang saya dapati di Cairo di mana rumah-rumah penuntut atau asrama-asrama lebih diutamakan kepada mereka yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan dan apabila terdapat kekosongan barulah diberikan kepada pelajar-pelajar yang pergi ke luar negeri dengan wang mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa orang yang sudah senang diberi bantuan tetapi orang yang sebenarnya memerlukan bantuan tidak pula diutamakan di dalam pemberian itu, dan ini sebenarnya berlaku.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dasar-dasar itu saya sama sekali tidak bersetuju bahawa dasar-dasar itu diberikan kepada orang-orang yang sudah dilebelkan dianggap atau dicurigai sebagai tidak menyetujui dasar-dasar Kerajaan kerana masalah itu adalah masalah yang terlalu nisbi, masalah yang boleh diperdebatkan, diperbincangkan dan bukanlah berdasarkan kepada sesuatu nilai yang jelas untuk kita menentukan di atas pengertian-pengertian itu kepada Kerajaan sama ada hendak memberi bantuan atau tidak. Dan langkah-langkah yang demikian, saya rasa adalah langkah-langkah yang tidak bijak malah langkah-langkah yang sia-sia sahaja kerana kemungkinan bahawa orang yang diberikan bantuan itu pada mulanya ialah orang-orang yang mungkin daripada penyokong-penyokong Kerajaan tetapi selepas menerima dan selepas tamat ia akan berubah fikirannya dan menyokong mana-mana pandangan yang difikirkannya sihat walaupun bertentangan dengan pandangan-pandangan Kerajaan.

Dengan sebab itulah bahawa bantuan-bantuan yang diberikan itu ialah berdasarkan kepada kepentingan pelajaran itu sendiri dan apabila kita memberikan pelajaran kepada seorang itu dengan pengalamannya dia bebas menentukan sikapnya yang tersendiri terutamanya di dalam sebuah negara yang dikatakan mengamalkan dasar demokrasi melainkan apabila dasar-dasar itu dikuruskeringkan sepertimana perkembangan-perkembangan yang mutakhir yang berlaku dalam negara kita. Dan kalaulah sekiranya kewangan ataupun tujuan daripada badan amanah ini hendaklah didasarkan kepada dasar-dasar yang tidak bijak, dasar-dasar yang tidak logik ini maka Kumpulanwang Amanah ini akan digunakan secara sia-sia.

Kita selalu takut kepada dakwah dan wakil dari Pasir Putih tadi memberi pandangan bahawa kita tidak patut beri kepada orang-orang yang dakwah. Tetapi pandangan ini tidaklah suatu pandangan yang berdasarkan fikiran yang panjang kerana dasar yang sebetulnya ialah kita berikan kepada orang-orang yang benar-benar hendak belajar, benar-benar hendak mengambil manfaat kepada ilmu pengetahuan walaupun mereka itu terdiri daripada sama ada kumpulan dakwah ataupun kumpulan yang lain tetapi mereka itu belajar sungguh-sungguh dan lulus dan membuktikan kejayaan mereka. Dan Kerajaan tidak seharusnya pula memberi bantuan kepada orang yang tidak berminat untuk belajar dan menghabiskan masanya di tempat-tempat maksiat, membelanjakan wang itu untuk berpoya-poya misalnya dan inilah sepatutnya Kerajaan tidak memberikan bantuan kepada orang-orang yang seperti ini.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan seharusnya tidak menggalakkan terlalu banyak pelajar-pelajar kita pergi keluar negeri untuk belajar di peringkat rendah atau menengah bahkan mestilah ditentukan dasar-dasar mengenai hal ini supaya pelajar-pelajar yang digalakkan ialah pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus degree atau post graduate sahaja, itupun di bidang di mana kita tidak dapat memberikan kemudahan-kemudahan di dalam negara. Dengan cara itu kita dapat mengurangkan pelajar-pelajar pergi ke luar negeri memilih kursus yang mereka suka

sahaja tanpa memberi suatu faedah kepada negara. Dan saya sebenarnya bersetuju dengan pendapat wakil dari Tanah Merah yang menyatakan bahawa kita perlu menentukan hal ini, menentukan bahawa kursus-kursus yang diambil oleh pelajar ialah kursus yang benar-benar memberi manfaat kepada kita.

Saya mengambil contoh misalnya di dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan falsafah-falsafah dan pandangan-pandangan hidup berat menerusi kursus-kursus sosiologi misalnya yang dipelajari, tetapi saya rasa tidaklah banyak sangat menguntungkan negara kita yang hendak mencari suatu identitinya yang tersendiri. Dan kalaulah kita hendak mendapat maklumat atau pengetahuan mengenai hal ini, mengenai negara-negara barat misalnya eloklah dihantar di peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat post graduate.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah di atas dasar-dasar yang lebih jelas, dasar-dasar yang tidak adil dan dasar-dasar yang tidak mempunyai sifat-sifat diskriminasi dan pandangan cetek yang hendak mengkung pandangan pelajar-pelajar supaya menerima sesuatu set pemikiran sedangkan kita menggalakkan mereka pergi keluar negeri dan kita hendak menerima satu set pemikiran bahawa orang yang ini sahaja baharu kita hendak beri bantuan kepada mereka, saya rasa saya tidak dapat menyokong di atas dasar itu. Saya akan menyokong hanya di atas perjalanan yang adil, perjalanan yang sama, yang sesuai dengan keperluan-keperluan negara kita yang memerlukan pada peringkat pembangunan ini dengan pandangan-pandangan, pemikiran-pemikiran yang terbuka di mana setiap orang dapat memilih pandangan-pandangannya sendiri selagi pandangan-pandangannya itu tidak dijadikan sebagai suatu saluran untuk merosakkan, mengganggu ketenteraman, keamanan dan sebagainya. Sekianlah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.22 ptg.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul yang telah saya bentangkan sebentar tadi, lebih-lebih lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling yang telah menyatakan bahawa demokrasi di negara kita ini sudah kurus kering. Jadi saya tersilap dengar dan saya ingat saya yang kurus kering kerana membandingkan dengan Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidaklah kurus kering seperti demokrasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat terutamanya daripada pihak Pembangkang telah menimbulkan tentang soal keadilan dan soal pembahagian pinjaman dan bantuan yang dimaksudkan di bawah Kumpulanwang Amanah ini dan suka saya menyatakan bahawa terutamanya soal keadilan yang telah dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka umpamanya dari segi keturunan pelajar-pelajar yang memohon yang diluluskan untuk mendapatkan pinjaman dan bantuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka begitu cepat sangat menuduh Kerajaan tidak bersikap adil tanpa menyiasat keadaan yang sebenar, dan terlalu sangat memegang kepada sikap bahawa di dalam satu-satu usaha Kerajaan itu seolah-olah bahawa Kerajaan sentiasa mesti mengenyepikan keadilan dan seolah-olah bahawa Kerajaan yang ditadbirkan oleh Barisan Nasional ini tidak menilai langsung keadilan dan akan mengenyepikan faktor-faktor yang penting lain daripada keturunan untuk menentukan pembahagian kemudahan-kemudahan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kiranya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu telah mengambil berat untuk menyiasat dan mengetahui tentang latarbelakang penubuhan Kumpulanwang Amanah ini beliau akan mendapati bahawa Kerajaan telah bersikap adil di dalam pemberian bantuan di pinjaman yang telah diluluskan.

Umpamanya, dalam tahun 1980, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang sekarang ini hanya berseorangan sahaja ialah bahawa daripada 282 pelajar-pelajar yang telah menerima bantuan dan pinjaman daripada Kerajaan sebanyak 228 daripada mereka terdiri daripada pelajar-pelajar China dan yang lainnya 40 pelajar

India dan hanya 14 pelajar Melayu. Oleh itu saya berharap sangat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tidak bersikap chauvinist lebih-lebih lagi dalam Dewan yang mulia ini dan lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana Kerajaan sememangnya berhasrat untuk membantu anak-anak kita yang menghadapi masalah di dalam pelajaran mereka di luar negeri dan lebih-lebih lagi kalau kita meneliti hujah-hujah daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu seolah-olah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka seolah-olah beliau tidak bersetuju dan tidak menyokong penubuhan satu tabung untuk membantu pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Kiranya kita meneliti hujah-hujah Ahli Yang Berhormat itu di mana beliau telah menghuraikan dan beri gambaran bahawa satu-satu Kumpulanwang Amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan tidak ditadbirkan dengan benar, tidak ditadbirkan dengan baik dan kucar-kacir dan hanya membazir wang negara. Pada hal Ahli Yang Berhormat itu telah tidak dapat menyebutkan sebarang contoh di mana satu-satu Kumpulanwang Amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan telah salah ditadbirkan sedangkan Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedar bahawa pentadbiran sesuatu Kumpulanwang Amanah itu disediakan dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan akaunnya sentiasa di odit oleh Ketua Odit Negara. Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak peraturan-peraturan yang telah disediakan yang akan menjamin supaya sesuatu tabung Kumpulanwang Amanah itu akan ditadbirkan dengan seberapa baiknyanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah bertanya tentang soal garis panduan tentang mengeluarkan pinjaman di bawah Kumpulanwang Amanah ini dan suka saya nyatakan bahawa garis panduan yang telah ditetapkan untuk pinjaman ialah untuk membayar yuran persekolahan bagi mereka yang berdaftar di institusi-institusi pelajaran tinggi. Sukalah saya tegaskan juga bahawa

setiap satu pinjaman itu akan diberikan kepada mereka yang benar-benar ingin belajar dan tidak akan diberikan kepada mereka yang berpoya-poya ataupun mereka yang menghabiskan masa mereka di dalam bidang-bidang yang boleh merugikan pelajaran masing-masing, tidak kira soal dakwah, soal politik ataupun soal pergi di kelab-kelab hiburan, tetapi asalkan mereka tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap pelajaran mereka. Pihak Kerajaan tidak akan membantu mereka dengan mengeluarkan bantuan pinjaman. Dan di dalam mengeluarkan pinjaman itu pegawai-pegawai yang berkenaan, pihak-pihak yang berkenaan akan menentukan bahawa mereka mempunyai rekod pelajaran yang memuaskan dan mereka telah lulus segala peperiksaan yang telah diduduki oleh mereka.

Sukalah juga saya memaklumkan bahawa di dalam penubuhan Kumpulanwang Amanah di bawah Akta Acara Kewangan 1957, Kumpulanwang Amanah ini telah ditubuhkan bagi mengambil alih akaun-akaun amanah yang telah ditubuhkan bagi penuntut-penuntut United Kingdom dan juga penuntut-penuntut di Australia dan New Zealand. Pada masa dahulu sebelum usul ini dibentangkan cadangan untuk menubuhkan Kumpulanwang Amanah dibandingkan terdapat dua akaun amanah kemudahan dan kebajikan penuntut-penuntut iaitu satu di United Kingdom dan satu lagi penuntut-penuntut di Australia dan New Zealand dan dengan adanya Kumpulanwang Amanah ini adalah bertujuan bahawa Kumpulanwang Amanah ini akan memberi menafaat pelajar-pelajar kita bukan sahaja di United Kingdom ataupun di Australia dan New Zealand tetapi kepada semua yang berhasrat tinggi untuk menambahkan pengetahuan mereka di negeri-negeri yang lain. Sukalah saya menyatakan bahawa dengan penubuhan Kumpulanwang Amanah ini bahawa pihak swasta sendiri boleh memainkan peranan dengan memberikan sumbangan terhadap Kumpulanwang Amanah ini dan setakat hari ini sudahpun ada pihak-pihak swasta yang telah menderma sebanyak \$57,000 kepada Kumpulanwang Amanah ini dan saya menggesa kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar untuk memainkan peranan masing-masing

untuk menambahkan lagi keinginan pihak-pihak swasta lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai kepentingan-kepentingan perniagaan dan sebagainya untuk menderma kepada Kumpulanwang Amanah yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan dengan lulusnya usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukalah saya memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh bahawa memanglah tujuan Kumpulanwang Amanah ini ialah bagi membantu mereka yang tidak mempunyai biasiswa dan oleh kerana saya ingin menafikan bahawa oleh kerana Kerajaan bukanlah sepertimana yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling bahawa seolah-olah Kerajaan hanya memberikan keutamaan kepada mereka yang sudahpun senang. Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyatakan bahawa daripada pengalaman beliau yang out of date, yang tidak lagi boleh dipakai iaitu di Cairo ataupun Kaherah umpamanya, tempat-tempat dan asrama-asrama Kerajaan adalah hanya untuk pelajar-pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan. Kerajaan tidaklah sezalim itu dan telahpun mengubah dasar. Hanya saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Baling akan dapat mengup-to-datekan sedikit pengetahuannya dan tidaklah menggunakan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini menghabiskan masa kita dengan mengeluarkan perkara-perkara yang tidak benar dan tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bertujuan untuk menjawab segala teguran-teguran yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan usul ini dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah menekankan tentang pentingnya perjalanan Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini dijalankan dengan sempurna dan supaya mengambil segala langkah untuk menentukan bahawa mereka yang menerima faedah dan manfaat daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini adalah mereka yang akan juga berguna dan berfaedah kepada negara kita. Saya percaya itulah tujuannya dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pandangan-pandangan yang bernas yang telah disampaikan semasa perbahasan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul bagi diputuskan oleh Majlis. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut seksyen kecil 4(a) seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Kumpulanwang Amanah Kerajaan bagi keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman kepada Pelajar-pelajar Malaysia di Seberang Laut.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1980;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1981;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1981;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1981;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1981.

4.32 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1980;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1980;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1980;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1980;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1980;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1980;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1980;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1980;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1980;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1981;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1981;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1981; dan
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1981.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32 dan 33 tahun 1981 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1980 bertujuan untuk menaikkan duti import spesifik daripada \$0.84 semeter persegi bagi bahan 'suiting' dan daripada \$0.18 semeter persegi bagi bahan 'cotton suiting' kepada \$1.20 semeter persegi. (Bahan suiting digunakan untuk membuat seluar lelaki). Kenaikan duti 'suiting' ini adalah bertujuan memberi

bantuan perlindungan tarif tambahan kepada perusahaan textile yang mengeluarkan 'suiting' ini yang pada masa ini berada dalam keadaan kemerosotan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1980 bertujuan untuk mengurangkan duti import daripada 25% kepada 20% ke atas barang 'poultry cage'. Pengurangan ini adalah dibuat kerana kadar duti sekarang sebanyak 25% adalah tinggi dan tiada import. Pengurangan ini adalah wajar kerana ianya akan dapat menyemak dan menstabilkan harga 'poultry cage'. Oleh kerana barangan ini digunakan dalam perusahaan penternakan, maka ianya secara langsung akan memberi faedah kepada negara dan masyarakat.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1980 bertujuan untuk memansuhkan duti import ke atas 'kalsium karbaid' dan 'ferro silicon' daripada kadar sekarang sebanyak 35%. 'Kalsium karbaid' adalah digunakan untuk membuat 'acetylene gas' yang mana seterusnya digunakan dengan 'oxygen' untuk melakukan kerja-kerja 'welding'. 'Ferro silicon' pula digunakan di dalam perusahaan besi negara ini. Kedua-dua barangan ini telah diberhentikan pengeluarannya oleh pengeluar yang berkenaan. Oleh yang demikian dengan penghapusan duti import ini, maka penggunaan 'kalsium karbaid' dan 'ferro silicon' seperti bengkel-bengkel pemasangan kereta dan kilang-kilang besi dapatlah mengimport barangan ini dengan mengekalkan paras kos pengeluaran, dengan ini tentulah akan melancarkan perkembangan perusahaan negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1980 bertujuan untuk mengurangkan duti import ke atas 'arsenic pentoxide' dan 'arsenic acid' daripada \$0.88 sekilogram kepada \$0.44 sekilogram. Kedua-dua bahan ini adalah digunakan sebagai bahan pengawitan kayu-kayan. 'Arsenic pentoxide' telah tidak dikeluarkan lagi di dalam negara ini. Pengurangan duti import ini adalah wajar kerana pada kadar \$0.44 sekilogram ini ianya masih memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pengeluar tempatan yang berkenaan dan di samping itu bahan 'arsenic pentoxide' yang tidak dikeluarkan lagi di dalam negara ini boleh diimport tanpa

memberi kesan yang berat ke atas perusahaan-perusahaan tempatan yang berkaitan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1980 bertujuan untuk mengurangkan duti import daripada 35% kepada 20% ke atas 'starter for electric motor (contactors)' dan daripada 20% kepada 10% ke atas 'parts for starters for electric motor'. Pengurangan ini adalah dibuat kerana kadar-kadar perlindungan yang ada sekarang adalah tinggi dan telah lama dilaksanakan iaitu semenjak tahun 1974. Pengeunaan duti import di dalam tahun 1974 ini bertujuan untuk menggalakkan perkembangan perusahaan ini, tetapi sebaliknya tidak banyak perkembangan dan masih lagi di dalam peringkat mengimport bahan-bahan komponen untuk dipasang menjadi barang siap. Walau bagaimanapun, pada tingkat duti import yang dikurangkan ini, perusahaan berkenaan masih boleh bertanding dengan barang-barang yang serupa yang diimport.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, duti eksport ke atas barangan utama eksport seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan lada hanya dikenakan selepas pengeluaran kos, atau dalam erti kata lain, kos ini digunakan bagi menentukan nilai permulaan bagi maksud duti. Tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1980 ini adalah untuk meminda nilai permulaan itu untuk mencerminkan kos pengeluaran yang baru.

Di samping itu, Perintah yang sama adalah juga untuk memperjelaskan getah yang dieksport dalam dua kumpulan bagi tujuan pengiraan duti eksport iaitu yang pertama, bagi jenis yang rendah grednya yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil dan yang kedua, bagi jenis yang tinggi grednya dan yang lazimnya dikeluarkan oleh sektor ladang. Bagi kumpulan pertama tadi, nilai permulaan bagi maksud pengiraan duti eksport adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kedua. Ini adalah oleh kerana kos pengeluaran yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil adalah lebih tinggi daripada yang dialami oleh sektor ladang.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1980 bertujuan menurunkan kadar duti import atas 'active and inactive natural yeast'

di bawah kepala tarif 21.06 110 dan 21.06 120 menjadi 20% a.v. Duti sebelumnya ialah \$0.44 sekilogram.

Penurunan kadar duti perlindungan ini adalah wajar kerana perlindungan ini telah lama diberikan. Syarikat pengeluar tempatan yang mendapat perlindungan tarif ini telah dapat mengukuhkan kedudukannya dan berupaya membuat keuntungan semenjak mula menjalankan operasinya. Selain daripada itu yeast ini adalah bahan penting yang digunakan bagi membuat roti iaitu bahan makanan dan penurunan kadar duti import ini dapat menyediakan peluang kepada para pengeluar roti tempatan bagi merendahkan kos pengeluaran mereka.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1980 bertujuan untuk mengurangkan duti import daripada 50% kepada 35% ke atas permaidani dan memansuhkan duti import sebanyak 25% ke atas tikar sembahyang. Pengurangan ini adalah dibuat kerana kadar perlindungan sekarang sebanyak 50% adalah tinggi. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan di dalam memberi taraf perlindungan yang berpatutan kepada industri-industri tempatan di samping tidak membebankan masyarakat. Manakala duti import sebanyak 25% ke atas tikar sembahyang adalah dimansuhkan kerana barang ini adalah untuk kegunaan ibadat.

Tujuan utama Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1980 adalah untuk mengenakan duti eksport ke atas 'tin slag' sebanyak 10% ad valorem dan tidak lagi berasaskan struktur duti eksport yang dikenakan ke atas bijih timah. Ini dirasakan adalah lebih adil memandangkan bahawa nilai 'tin slag' didapati kurang daripada nilai titik permulaan bagi pengenaan duti eksport ke atas bijih timah. Dalam hubungan ini, duti eksport sebanyak 10% ad valorem adalah juga dikenakan ke atas lebihan logam, yang terdapat selepas leburan, dalam bijih-bijih lain seperti yang terjatuh di bawah Kepala Tarif 26.02 000, 26.03 900 dan 26.04 000.

Tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1981 adalah untuk mewujudkan satu kod tarif yang berasingan bagi minyak masak yang mengandungi lebih banyak minyak kelapa sawit berbanding dengan bahan lain dan yang

terdapat dalam kandungan yang beratnya kurang daripada 20 kg tiap-tiap satu. Minyak masak ini dicadang supaya tidak dikenakan duti eksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1981 bertujuan untuk mengenakan duti import sebanyak 15% ke atas 'vibratory mechanically propelled road roller'. Jentera ini adalah digunakan untuk memadatkan tanah, batu-batu kelikir dan 'asphalic mix' iaitu batu-batu kecil yang dicampur dengan aspal dan digunakan untuk membuat lapisan atas dalam pembinaan jalan-jalan raya dan lain-lain projek pembangunan. Dengan adanya barang keluaran ini, ianya merupakan satu lagi peningkatan dalam industri mengeluarkan barang-barang penggantian import. Ini adalah satu faedah kepada negara dan masyarakat juga kerana duti import yang dikenakan adalah sederhana.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1981 bertujuan menurunkan kadar duti import atas soya bean meal di bawah kepala tarif 23.04 100 kepada 8% daripada 15%.

Penurunan kadar duti import ini dibuat memandangkan yang pengeluar tempatan telah membuat beberapa pembaikan terhadap operasi mereka. Walaupun begitu perlindungan masih perlu diberikan kepada industri ini kerana industri ini masih baharu dan kejayaannya akan memberi faedah kepada penternak-penternak dan pekilang makanan haiwan tempatan dalam jangka panjang.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1981 bertujuan mengecualikan sepenuhnya cukai tokok atas bahan-bahan utama membuat makanan haiwan dan ternakan.

Walaupun baru-baru ini bahan-bahan tersebut telah dikeluarkan dari jadual barang yang dikecualikan dari cukai tokok, pengecualian cukai tokok tersebut sebanyak 3% adalah diberikan secara pentadbiran kepada penternak-penternak dan juga para pekilang membuat makanan haiwan dan ternakan. Memandangkan perubahan-perubahan dalam industri ini dan keadaan inflasi sedangkan ayam itek serta telur adalah sumber makanan yang penting maka bahan-bahan ini adalah dikecualikan sepenuhnya dari cukai tokok. Adalah diharapkan

pegecualian ini dapat merendahkan kos pengeluaran ternakan dan dengan itu harga ternakan dan telur dapat dikekalkan pada paras yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah usul atas nama Menteri Kewangan yang kedua dalam Aturan Mesyuarat hari ini sekarang terbuka untuk perbahasan. Oleh sebab tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak membahaskan maka saya kemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1980;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1980;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1980;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1980;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1980;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1980;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1980;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1980;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1980;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1981;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1981;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1981; dan

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1981

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, dan 33 tahun 1981 disahkan.

AKTA KUMPULANWANG PEMBANGUNAN 1966

YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA

4.52 ptg.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, mengambil ketetapan iaitu wang-wang Persekutuan yang ada di dalam Kumpulanwang Pembangunan boleh diperuntukkan sama ada dalam bentuk pemberian langsung atau pinjaman kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra dalam sebarang jumlah yang ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yayasan Pelaburan Bumiputra telah ditubuhkan pada 9hb Februari, 1978 di bawah Akta Syarikat 1965 dalam bentuk sebuah Syarikat berhad menurut jaminan. Untuk menjalankan kegiatannya Yayasan telah diperuntukkan pemberian langsung sebanyak \$1,500 juta, di mana \$500 juta adalah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan \$1,500 juta lagi adalah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Sukacita saya menyatakan sehingga 31-12-80 pemberian langsung kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra adalah berjumlah \$1,018,127 juta. Ini adalah merupakan tambahan sebanyak \$818.127 juta daripada pemberian langsung yang asal sebanyak \$200 juta yang telah diluluskan melalui satu resolusi di Dewan ini pada 16-12-77.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 6-12-1979 Dewan ini telahpun meluluskan satu pindaan ke atas Akta

Kumpulanwang Pembangunan 1966 di mana membolehkan dengan cara usul dalam Dewan Rakyat, pemberian secara langsung (grant) dibuat atau pinjaman mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan diberi kepada satu-satu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 yang bertujuan untuk membangun ekonomi satu-satu kaum. Selaras dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan resolusi ini bagi mengiktiraf pemberian secara langsung kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra sebanyak \$818.127 juta bagi tahun 1981 dan juga pemberian secara langsung atau pinjaman pada masa-masa hadapan apabila diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang ketiga mengikut Aturan Urusan Mesyuarat sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

4.56 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk melafaskan sokongan saya terhadap usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu untuk membolehkan wang Persekutuan yang ada di dalam Kumpulanwang Pembangunan itu diperuntukkan sebagai pemberian langsung ataupun pinjaman kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra dalam sebarang jumlah yang akan ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi pemberian wang ini adalah sebagai suatu geran pelancaran terhadap penglibatan yang lebih kaum bumiputra dalam sektor pemilikan saham dan modal dalam syarikat-syarikat berhad. Ini adalah suatu usaha yang amat baik kerana kita menyedari hakikat bahawa sehingga hari ini penglibatan kaum bumiputra dalam soal sektor syarikat terutama dari segi pemilikan saham masih lagi rendah

peratusnya. Kita tidak dapat memikirkan cara lain yang lebih elok bagaimana kita dapat mempercepatkan penglibatan ini kecuali dengan sokongan yang kuat dan juga bantuan yang terus yang dapat diberi oleh Kerajaan sendiri bagi melancarkan dan menggerakkan penglibatan yang lebih kaum bumiputra dalam soal sektor syarikat dan juga pemilikan modal dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui dengan tertubuhnya Yayasan Pelaburan Bumiputra maka Permodalan Nasional Berhad telahpun dilancarkan dan kita mengucapkan syukur juga kerana dengan pelancaran itu usaha yang awal telahpun dilakukan oleh Kerajaan bagi menyerahkan hakmilik syarikat-syarikat yang diamanahkan kepada agensi Kerajaan kepada bumiputra. Kita percaya dengan langkah yang telah dibuat ini maka penglibatan bumiputra dalam sektor-sektor di mana syarikat-syarikat bumiputra persendirian dan juga orang perseorangan kurang berkemampuan untuk melibatkan diri akan dapat dijalankan oleh badan seperti Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang telahpun diberikan kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra sehingga ini adalah lebih kurang \$1,500 juta iaitu semenjak Rancangan Malaysia Ketiga dan sekarang ini masuk melangkah dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jumlah ini adalah suatu jumlah yang amat besar. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa dari segi Kementerian Kewangan mengadakan peraturan-peraturan tertentu bagi menentukan pengawalan yang rapi terhadap pelaburan yang telahpun diberikan kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra ini. Kita tidaklah mahu menyebutkan di sini tentang kemungkinan berlakunya penyelewengan dari segi kegunaan kerana mereka yang telahpun diberikan tanggungjawab untuk menjalankan dan menggerakkan Yayasan ini adalah orang-orang yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan untuk menjalankan kegiatan ini, tetapi adalah mustahak sekali oleh sebab wang yang diberikan kepada Yayasan ini adalah satu peruntukan yang amat besar, maka sistem pengawalan yang rapi perlulah diadakan di mana pihak Kerajaan hendaklah diberikan laporan tahunan kepada Kementerian untuk menentukan bahawa

segala wang yang telahpun digunakan bagi pelaburan ini digunakan bagi tujuan-tujuan dan maksud-maksud yang dapat diterima oleh rakyat khasnya bumiputra.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam segi Yayasan Pelaburan Bumiputra ini peringkat pertama langkah yang telahpun diambil ialah untuk melibatkan diri dari segi pengambilan saham-saham yang dimiliki oleh syarikat-syarikat agensi Kerajaan dan langkah awal telahpun dibuat di mana syarikat-syarikat ini akan diserahkan kepada bumiputra melalui Pelaburan Nasional Berhad melalui Amanah Saham Nasionalnya.

Satu perkara yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang rangka-rangka program dan juga rancangan-rancangan yang akan diambil oleh pihak Yayasan Pelaburan Bumiputra bagi meningkatkan penglibatan bumiputra dalam sektor kewangan dan sektor pemilikan saham. Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh sektor-sektor bukan bumiputra dari segi pemilikan saham begitu giat sekali. Saya tidak bermaksud di sini untuk mengatakan bahawa walaupun Kerajaan menggalakkan kita bumiputra melibatkan diri dari segi pemilikan saham maka kita mesti menegah mana-mana kumpulan atau kaum yang lain untuk melibatkan diri dalam bidang yang sama tetapi satu perhatian yang harus diberikan oleh Kerajaan ialah bahawa di dalam keadaan pasaran yang bebas, dalam keadaan sistem free enterprise yang diamalkan oleh kita pada hari ini, maka penglibatan bumiputra tidak akan dapat dilihat dan kesan penglibatan ini akan berkurangan sekiranya tidak ada satu dasar-dasar tertentu bagaimana dapat diseimbangkan di antara penglibatan bumiputra dalam sektor kewangan dan pemilikan saham ini dengan penglibatan kaum bukan bumiputra dalam sektor yang serupa.

Adalah menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru, Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan sekurang-kurangnya 30% dalam segi pemilikan harga dan modal dalam sektor swasta dan sektor syarikat ini akan dipegang oleh bumiputra dalam tahun 1990. Saya berkeyakinan dengan usaha yang gigih yang akan dilancarkan oleh Kerajaan melalui Yayasan Pelaburan Bumiputra ini matlamat ini pasti akan tercapai. Tetapi sebagaimana

yang saya sebutkan tadi sekiranya Kerajaan tidak mempunyai satu dasar tertentu untuk menseimbangkan perkembangan sektor bukan bumiputra dengan sektor bumiputra dalam soal pelaburan dan dalam soal pemilikan saham ini, matlamat ini mungkin tidak akan dicapai dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian adalah elok sekali supaya Yayasan Pelaburan Bumiputra ini yang telahpun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, tahun 1965 itu melipatgandakan usahanya bukan setakat untuk melancarkan Amanah Saham bahkan dalam kegiatan-kegiatan yang lain di mana bumiputra perseorangan tidak mungkin dapat melibatkan diri.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Rancangan Malaysia Keempat yang telahpun diluluskan oleh Dewan ini beberapa hari yang lalu telah dapat kita lihat bahawa penglibatan kaum-kaum pemodal asing, pemilikan harga oleh orang-orang asing di dalam negara ini masih besar peratusnya. Bolehlah dikira lebih daripada 60% daripada harta-harta, modal-modal dan saham-saham di dalam sektor swasta masih lagi dipegang oleh orang-orang asing, syarikat-syarikat yang besar umpamanya yang mengendalikan ladang-ladang getah, kelapa sawit, lombong-lombong di negara ini adalah di dalam tangan orang-orang asing.

Kita haruslah memberikan perhatian yang tegas dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya matlamat pencapaian bumiputra dalam sektor modal dan sektor harta ini hendak ditingkatkan kepada 30% maka Yayasan sebagaimana yang disebutkan di sini iaitu Yayasan Pelaburan Bumiputra mestilah melibatkan diri dalam soal di mana penglibatan kaum-kaum asing dalam harta dan hakmilik syarikat itu masih besar lagi. Umpamanya kita ketahui syarikat-syarikat bumiputra perseorangan dan agensi-agensi bumiputra yang lain tidak mempunyai modal yang secukupnya untuk mengambilalih ekuiti-ekuiti yang dipegang oleh banyak syarikat-syarikat asing yang besar yang mengawal lebih daripada 60% kekayaan harta dan modal dalam syarikat-syarikat swasta.

Oleh yang demikian Yayasan Pelaburan Bumiputra perlulah merangka program dan juga merangka rancangan-rancangan yang

lebih tegas selain daripada penyerahan anak-anak syarikat yang dimiliki oleh agensi Kerajaan itu, melibatkan diri juga dari segi pengambilan saham-saham dalam syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang asing. Sebagaimana yang kita ketahui ada agensi-agensi Kerajaan yang melibatkan diri dalam hal ini, umpamanya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri seperti di Johor ada mengambil langkah mengambilalih, membeli saham-saham yang dimiliki oleh orang-orang warganegara asing di dalam negara ini. Dan saya tidak lihat kemungkinan syarikat-syarikat swasta yang kecil modalnya dapat menjalankan kegiatan seperti yang dijalankan oleh Perbadanan yang besar ini.

Oleh yang demikian adalah menjadi harapan seluruh rakyat bumiputra di negara ini khasnya orang Melayu terhadap Yayasan Pelaburan Bumiputra ini untuk bukan setakat menjalankan kegiatan-kegiatan kecil-kecilan yang boleh dijalankan oleh Perbadanan dan agensi yang lain tetapi melibatkan diri dengan lebih tegas dan lebih aktif dari segi pengambilan ekuiti dalam syarikat-syarikat milik asing yang boleh dikira memegang 60% kekayaan harta dan hakmilik syarikat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu dua pandangan saya terhadap usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi dan pada akhirnya saya menyokong di atas usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat.

5.07 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, saya ingin menyentuh sedikit mengenai peruntukan yang diminta berhubung dengan perbekalan-perbekalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan atas penyertaan yang dicapai oleh orang-orang Melayu dan bumiputra di dalam segala bidang khususnya di dalam bidang pelajaran. Ini disebabkan adanya kemudahan pelajaran yang disediakan oleh Kerajaan sejajar dengan

perkembangan pelajaran di bandar-bandar. Satu hakikat yang nyata ialah bahawa asrama-asrama bagi menampung pelajar di luar bandar hendaklah diperbanyakkan lagi supaya memberi kemudahan pelajar-pelajar yang sepatutnya . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Majlis sedang menimbang usul No. 3 berkenaan Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai penyertaan orang-orang Melayu di dalam pembelian saham di mana Pemodalan Nasional Berhad akan memainkan peranan yang penting bagi menentukan kejayaan tersebut. Kita percaya kemampuan PNB pasti boleh mengendalikan dengan beresnya di mana harapan orang-orang Melayu ialah menumpukan perhatian ke arah pencapaian tersebut. Kita percaya dengan pemindahan saham yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan secara teratur sudah tentu kita akan mencapai matlamat yang ditujui iaitu menguasai 30% saham di dalam semua bidang khususnya saham-saham di dalam badan-badan koperatif Kerajaan. Apabila ini tercapai saya percaya orang-orang Melayu tidak lagi meminta-minta bantuan ini dan sehingga bantuan itu menjadi satu lagi isu politik bagi DAP dan parti yang sehaluan dengannya untuk cuba mempengaruhi agar pembelian saham yang dirancang itu gagal dan dengan yang demikian mereka dapat memainkan peranannya untuk menanggung di air keruh dan dengan demikian ia juga mudah dapat menguasai fikiran rakyat dalam soal penambahan penyertaan saham-saham ekuiti orang-orang Melayu.

Saya ingin mengesyorkan bahawa bukan sahaja pengambilalih daripada 22 badan koperate tetapi juga Pemodalan Nasional Berhad sebagai badan ibu (main-holding) hendaklah mengambil daya usaha untuk membeli saham-saham bukan sahaja daripada sektor bank tetapi juga dari sektor lain misalnya sektor ladang, perumahan, import-eksport, perkapalan, penerbangan dan akhirnya dari sektor pembuatan dan perkilangan di mana keperluan asas bahan-bahan makanan yang diperlukan oleh pengguna khususnya boleh ditumpukan kepada orang-orang Melayu di luar bandar

yang sayugia perlu mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak Kerajaan. Dengan demikian, saya percaya sektor pembuatan tidak boleh memainkan peranan sesuka hati untuk menaikkan harga barang-barang buatan tempatan. Di sini saya rasa Kerajaan boleh, maknanya bahan-bahan pembuatan sebenarnya tidaklah sebegitu tinggi naiknya jika sekiranya ada kontrol oleh satu-satu badan lain seperti PNB misalnya yang dapat memainkan peranan yang aktif dalam soal ini. Saya percaya perubahan ini akan berlaku di dalam sektor pembuatan dan perkilangan.

Dalam soal pembelian saham, saya mengharapkan agar kuasa-kuasa perseorangan dapat diperhatikan oleh Kerajaan khususnya Bank Negara. Pembelian saham yang besar oleh orang-orang perseorangan dalam satu-satu bank atau agensi kewangan tidaklah boleh menunjukkan satu petanda yang sihat, kerana ini tidak menunjukkan penyertaan orang ramai. Kita faham bahawa segelintir manusia di negara kita memiliki saham-saham bank dan agensi-agensi kewangan yang besar dan dengan kegiatan ini boleh mendorong kuasa membeli saham, menjual saham dengan mudah berpindah milik seperti mana yang berlaku pada hari ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.11 ptg.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian membahaskan usul yang telah saya bentangkan sebentar tadi.

Saya tidaklah bertujuan untuk memberi jawapan satu persatu kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan malahan sukalah saya menyatakan bahawa sebahagian besar daripada apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan merupakan perkara-perkara yang masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan atau dalam pelaksanaan Kerajaan. Tetapi sukalah saya menegaskan di sini bahawa untuk menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, bahawa Yayasan Pelaburan Bumiputra dalam

keadaannya sekarang bukanlah merupakan satu badan di mana segala tugas dan tanggungjawab untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru diserahkan bahkan agensi-agensi amanah Kerajaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan tugas-tugas dalam menambahkan kegiatan-kegiatan ekonomi bumiputra dan orang-orang Melayu masih lagi perlu memainkan peranan mereka dan masih lagi menambahkan kegiatan kaum bumiputra dan orang-orang Melayu di dalam bidang-bidang yang tertentu dan di samping itu memberikan bantuan dan pertolongan untuk mewujudkan lagi pengusaha-pengusaha bumiputra dan menambahkan lagi penyertaan bumiputra dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja yang saya perlu memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan usul ini, dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan seksyen 3 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, mengambil ketetapan iaitu Wang-wang Persekutuan yang ada di dalam Kumpulanwang Pembangunan boleh diperuntukkan sama ada dalam bentuk pemberian langsung atau pinjaman kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra dalam sebarang jumlah yang akan ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

AKTA ACARA KEWANGAN, 1957

Akaun Kumpulanwang Amanah untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara

5.13 ptg.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen

10 Akta Acara Kewangan, 1957 (Pindaan 1972) Dewan ini membuat keputusan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Akaun Kumpulanwang Amanah untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara.”

Mengikut peruntukan perenggan (a) Seksyen Kecil (4) Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut. Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) telah ditubuhkan dalam bulan November, 1975 untuk bertindak sebagai badan penasihat dan perunding kepada Kerajaan mengenai pembangunan dan kemajuan sains.

Untuk tujuan ini maka adalah didapati perlu bagi Majlis diberi peranan untuk membiayai usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi bagi melaksanakan sebarang keputusan yang diambilnya di dalam memandu arah kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan mengikut priority-priority yang ditetapkan serta juga melaksanakan perakuan-perakuan MPKSN secara keseluruhannya. Akaun Kumpulanwang Amanah yang dicadangkan ini bukanlah bertujuan untuk dijadikan sebagai sumber kewangan yang eksklusif bagi penyelidikan sains dan pembangunan di negara ini tetapi ianya hanyalah bertujuan untuk menambah serta mengukuhkan lagi usaha-usaha penyelidikan di bawah berbagai agensi tanpa menimbulkan masalah-masalah pertindihan. Pada asasnya Kumpulanwang Amanah ini akan membantu penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi dengan berbagai cara. Peruntukan daripada kumpulanwang ini akan dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang berikut:

1. Untuk membolehkan MPKSN memaju dan mengadakan program penyelidikan berdasarkan kepada pendekatan berbagai-bagai disiplin;
2. Bagi mengadakan geran kepada pertubuhan-pertubuhan saintifik, pusat-pusat pengajian tinggi dan orang perseorangan bagi menjalankan projek

penyelidikan sains;

3. Untuk memberi geran kepada pertubuhan-pertubuhan saintifik atau pusat-pusat pengajian tinggi bagi mengendalikan projek-projek yang khusus berkaitan dengan usaha-usaha untuk memajukan keupayaan sains;
4. Untuk memberi penghargaan dan insentif kepada ahli-ahli sains dengan cara memberi anugerah, fellowship, biasiswa dan penyelidikan geran.

Berdasarkan kepada tujuan-tujuan tersebut adalah diharapkan semoga penubuhan Kumpulanwang Amanah ini dapat menggalakkan dan memupukkan lagi perkembangan dan kemajuan infrastruktur sains dan teknologi yang didapati penting untuk pembangunan negara. Kumpulanwang Amanah ini akan dilancarkan dengan wang pendahuluan sebanyak \$1 juta daripada Kerajaan. Selain daripada itu sumbangan-sumbangan dalam bentuk geran, derma ataupun hadiah adalah diharapkan daripada sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan dalam negeri untuk menayakan penubuhan tabung tersebut. Kumpulanwang Amanah ini akan diuruskan oleh sebuah badan pengurusan yang mengandungi ahli-ahli daripada MPKSN, pegawai-pegawai dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Perbendaharaan. Sementara hal-hal pentadbiran biasa akan dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dengan ini resolusi yang dikemukakan kepada Dewan ini adalah untuk meminta kelulusan supaya wang sejumlah \$1 juta diperuntukan kepada Akaun Kumpulanwang Amanah ini bagi membantu MPKSN dalam menjalankan objektif-objektif sepertimana yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang keempat dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang terhormat dari Pagoh.

5.13 *ptg.*

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, cuma yang saya ingin tahu setakat ini Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara telahpun ditubuhkan semenjak tahun 1975 tetapi kita tidak mendengar perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Majlis ini dan dalam bidang-bidang apa yang telah mereka jalankan walaupun ia telah ditubuhkan lebih kurang 6 atau 7 tahun yang lalu. Saya ingat mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dapat menjelaskan dalam bidang apa dan dalam perakuan apakah yang telah dikemukakan setakat ini semenjak ianya ditubuhkan.

Satu perkara yang amat menarik, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang satu daripada objektif wang amanah yang diperuntukkan kepada Majlis ini ialah bagi membolehkan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara ini memberikan hadiah-hadiah penghargaan kepada ahli-ahli sains di negara kita. Ini satu objektif yang amat baik kerana kita lihat pada hari ini penekanan negara kita bukan sahaja dalam soal pembangunan tetapi juga dalam soal-soal pembangunan yang berkaitan dengan penglibatan kita dalam soal sains dan teknologi, iaitu menyesuaikan perkembangan negara ini dengan prinsip-prinsip moden yang telahpun dilalui oleh negara-negara yang telah maju. Oleh yang demikian, dengan sebab pesatnya perkembangan pendidikan dan juga banyak kemudahan-kemudahan yang telahpun disediakan oleh Kerajaan maka telah timbul di kalangan para-para pendidik dan pakar-pakar di dalam negara ini mereka yang boleh kita anggap sebagai ahli sains yang dapat memberikan buah fikiran yang amat berguna terhadap mewujudkan ciri-ciri sains yang sesuai dan selaras dengan negara kita.

Saya amat menyokong sekali langkah yang dapat dijalankan oleh Majlis ini supaya diadakan satu hadiah pemberian tahunan. Umpamanya kalau di bidang-bidang lain ada diberikan oskar dan sebagainya, mungkin dari segi Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara ini dapat memikir menganjurkan

pertandingan untuk mencari bakat-bakat ahli-ahli sains di negara kita yang dapat menggubal, dapat melahirkan idea yang baru, perkara-perkara yang boleh dianggap innovation yang dapat digunakan bagi kemajuan sains di negara ini dan hadiah ini dapat dijalankan dengan mengadakan ahli-ahli jawatankuasa pemilihan, sebab kita mendengar daripada Institusi Pelajaran Tinggi, khususnya di universiti tempatan tiap-tiap kali ada bakat-bakat ahli-ahli sains muda yang dapat melahirkan dan membentuk, bukan teori sains tetapi alat-alat saintifik yang boleh dikatakan unik. Umpamanya baru-baru ini kita baca di mass media tentang adanya ahli-ahli sains muda yang merangka cara-cara menggunakan kuasa solar untuk menimbul atau mendapatkan kuasa dan ini adalah satu perkara yang baru. Juga dalam bidang-bidang lain, umpamanya dalam soal teknik pengeluaran yang moden yang belum digunakan oleh negara-negara lain. Ini satu daripada perkara yang amat perlu diambil kira oleh Majlis ini dan saya menyokong sekiranya ada langkah dijalankan oleh Majlis untuk mengadakan satu pemilihan ahli sains negara dengan diberikan hadiah penghargaan sebagai jasa mereka untuk mencari satu-satu idea yang baru bagi memajukan bidang sains dan teknologi.

Inilah suatu pandangan ringkas saya dan sekali lagi saya menyokong di atas usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.23 *ptg.*

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh yang telah memberi pandangan-pandangan beliau tentang usul yang dibentangkan di Majlis ini.

Sukalah saya mengatakan bahawa saya sangatlah bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bahawa haruslah daripada awal-awal ini kita menggalakkan bukan sahaja rakyat biasa ataupun cerdik pandai kita untuk menambahkan minat mereka terhadap pengkajian tentang penyelidikan saintifik, tetapi yang lebih

penting ialah untuk menggalakkan jenerasi muda kita untuk menambahkan minat mereka dan bergiat di dalam lapangan sains oleh kerana bidang sains merupakan satu asas yang penting dan sangat diperlukan sekiranya kita ingin membangunkan negara kita daripada taraf sebuah negara yang bergantung kepada pertanian kepada sebuah negara yang benar-benar sudahpun maju dan telahpun membangun.

Di dalam segala aspek pembangunan sesebuah negara kalau kita meninjau sejarah pembangunan sesebuah negara apa yang kita dapati ialah bahawa pembangunan sesebuah negara itu dan pertukaran perubahannya daripada sebuah negara yang bercorak pertanian kepada sebuah negara yang bercorak perindustrian, kita akan mendapati bahawa sains dan teknologi memainkan satu peranan yang penting dan merupakan asas yang penting bagi menukarkan wajah negara itu dan bagi membangunkan lagi negara tersebut. Oleh itu dalam pembangunan negara kita sendiri haruslah diberikan penekanan kepada soal-soal sains dan teknologi dan dalam perkara ini, saya sangatlah bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bahawa haruslah galakan diberikan terutamanya kepada jenerasi muda dan juga kepada pakar-pakar kita yang terlibat di dalam penyelidikan saintifik dan teknologi dengan cara memberikan anugerah, hadiah, biasiswa dan geran-geran untuk penyelidikan. Inilah saya percaya satu cara bagi menggalakkan golongan saintis di kalangan masyarakat kita untuk menumpukan perhatian mereka kepada usaha-usaha penyelidikan dan bukan hanya tertumpu kepada soal-soal mencari pendapatan yang lumayan dalam bidang-bidang yang telahpun tertubuh.

Sebagai sebuah negara yang membangun kita tidak kurang dengan mereka yang mempunyai daya pemikiran untuk menjadi penyelidik-penyelidik sains yang terkemuka dan adalah menjadikan harapan Kerajaan bahawa dengan adanya penubuhan Kumpulanwang Amanah bagi Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara ini kita dapat menggalakkan, dengan izin, home grown scientist kita sendiri untuk menambahkan

kepada taraf pengetahuan dan taraf penyelidikan, teknologi dan sains di dalam negara kita sendiri.

Sukalah saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh bahawa setakat ini dan semenjak penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara bahawa Majlis ini telah mula-mula mengambil tindakan untuk mengkaji seluruh pengkajian dan penyelidikan yang sedia ada di dalam negara kita. Adalah penting bagi sesuatu badan yang bertanggungjawab tentang penyelidikan sains untuk mengetahui terlebih dahulu apakah asas yang ada di dalam negara kita sendiri dan dapat juga secara detail menyatakan dan mengumpulkan kesemua penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan di dalam negara kita supaya sekurang-kurangnya kita tidak akan hanya bersikap seolah-olah bahawa sebagai sebuah badan yang baru bahawa badan tersebut tidak lagi perlu kepada usaha-usaha yang telah dipelopori oleh pakar-pakar sains dalam negara kita ini sebelum penubuhan Majlis tersebut. Dengan itu Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara telah bertindak untuk menjadikan tugasnya yang utama bagi mengumpul dan juga mengkaji dan untuk segala penyelidikan yang telah dilakukan dalam negara ini dan segala maklumat-maklumat, segala hasil penyelidikan yang telah tercapai semuanya adalah di dalam pengetahuan dan dalam simpanan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara. Buat masa ini Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara sekarang ini berada di peringkat yang kedua, iaitu di mana Majlis ini akan pula menentukan arah penyelidikan sains dan pembangunan sains dalam negara ini. Dengan tertubuhnya Kumpulan Wang Amanah untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara ini, saya percaya bahawa Majlis ini akan dapat menjalankan segala kegiatan dan peranannya dengan lebih berkesan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada pandangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada sokongan Ahli Yang Berhormat tersebut kepada usul yang telah saya bentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) Seksyen Kecil (4), Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, 1957 (Pindaan 1972) Dewan ini membuat keputusan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepada butiran baharu seperti berikut:

“Akaun Kumpulanwang Amanah untuk Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara.”

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.29 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 10.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 dan 1980)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN
USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1980

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1981

5.30 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

6.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling):

6.40 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):

6.51 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):

7.00 mlm.

Tuan Karpal Singh (Jelutong):

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.30 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.48 malam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di atas adalah dipadamkan (expunged) daripada rekod Hansard atas arahan Tuan Yang di-Pertua)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Ucapan-ucapan Perbahasan Yang Dipadamkan (Expunged)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa saya kemukakan Rang Undang-undang No. 7/80 ini dan juga Usul atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, kedua-duanya terbuka untuk dibahaskan; Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menarik perhatian saya kepada Peraturan Mesyuarat 67 (2) dan biasanya saya hanya memberi ruling kiranya diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi oleh sebab perkara ini sudah disebut di dalam Dewan ini walaupun tidak diminta ruling, saya terpaksa memberi ruling iaitu tiap-tiap Anggaran Belanja Tambahan hendaklah dibentangkan di atas meja mesyuarat sekurang-kurangnya 3 hari betul sebelum mesyuarat hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu.

Setelah Ahli Yang Berhormat dari Petaling melafazkan ucapan ini dan bila saya meninggalkan kerusi ini tadi, saya membuat penyiasatan dan benar bahawa kertas yang berhubung dengan Rang Undang-undang ini iaitu Kertas Perintah 2 Tahun 1981 tidak cukup 3 hari dibentangkan di sini. Dengan sebab itu tidak sah dijalankan perbahasan di bawah ini dan dengan itu juga saya putuskan iaitu perbahasan ke atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu, dan Usul atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini akan dikemukakan di Dewan ini pada hari Khamis,

9hb April, 1981 dan semua kenyataan dan ucapan yang dilafazkan olehnya hari ini saya perintahkan supaya dimansuhkan daripada rekod Dewan. All records of the proceedings from the time Yang Berhormat Mulia Minister of Finance moved the Motion until and including the speech by the Member from Jelutong will be expunged from the Dewan records.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini petang tadi mengenai waktu Persidangan, Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

Menteri Pusaahan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini petang tadi mengenai waktu persidangan, Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 8hb April, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.52 malam.